INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

Facts & Figures

KAJIAN POTENSI, DAYA SAING DAN KEBOLEHPASARAN BELIA DALAM PEKERJAAN, PENDIDIKAN DAN LATIHAN



INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

Facts & Figures

KAJIAN POTENSI, DAYA SAING DAN KEBOLEHPASARAN BELIA

DALAM PEKERJAAN, PENDIDIKAN DAN LATIHAN



@Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2026

IYRES merupakan sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan; mewujudkan program penyelidikan dan latihan; dan menyediakan kemudahan penyelidikan yang pelbagai termasuklah data mengenai pembangunan belia.

Hakcipta Terpelihara

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan penerbitan ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa cara sekali pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Cara untuk memetik laporan ini:

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). 2026. *Facts & Figures* Kajian Potensi, Daya Saing dan Kebolehpasaran Belia dalam Pekerjaan, Pendidikan dan Latihan. Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Putrajaya. Malaysia



Diterbitkan Oleh

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, MALAYSIA
Tel : +603 – 8871 3417
Emel : penyelidik@iyres.gov.my
Laman Web : www.iyres.gov.my

ISBN 978-967-2783-44-2

KANDUNGAN



IV
Ringkasan Eksekutif

1 - 10
Pengenalan Kajian
- Latar Belakang
- Jurang Kajian
- Objektif Kajian
- Penjajaran kepada Dasar dan Polisi Kerajaan
- Kerangka Konseptual
- Definisi Operasi

11 - 18
Metodologi Kajian
- Ringkasan Metodologi Kajian
- Instrumen dan Pengujian Kebolehpercayaan & Kesahan Data
- Penentuan Skala Skor

19 - 26
Isu Dan Cabaran Belia
- Senario, Isu dan Cabaran Belia Malaysia
- Isu dan Cabaran Belia NEET
- Perbandingan Mengikut Negara

27 - 30
Profil Demografi

31 - 34
Skor Keseluruhan Domain
- Penemuan Kajian Berdasarkan Demografi
- Domain Potensi
- Domain Daya Saing
- Domain Daya Fikir
- Domain Daya Tindak
- Domain Daya Tahan

75 - 78
Pembangunan Profil Belia NEET
- Pendidikan Atau Latihan & Pekerjaan
- Aplikasi iNEET

79 - 82
Pelan Mitigasi Kepada Belia NEET

83 - 85
Syor Dan Kesimpulan Kajian

86
Penghargaan

87
Kronologi







RINGKASAN EKSEKUTIF

Generasi belia merupakan aset penting dalam pembangunan negara dan memainkan peranan utama dalam menentukan hala tuju masa depan negara. Di Malaysia, jumlah belia dianggarkan seramai 9.49 juta orang atau 27.9 peratus daripada keseluruhan penduduk yang berjumlah 34.05 juta orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025). Golongan belia ini terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk pelajar sekolah, mahasiswa, individu yang baru memulakan kerjaya, pekerja muda, usahawan serta mereka yang sedang membina keluarga. Kepelbagaian latar belakang ini menjadikan keperluan, aspirasi serta cabaran yang dihadapi oleh belia juga berbeza-beza. Justeru, usaha untuk memahami potensi, daya saing dan kebolehpasaran belia dalam bidang pekerjaan, pendidikan dan latihan amat penting bagi memastikan golongan ini mampu menyumbang secara optimum kepada pembangunan negara.

Bagi kerangka pembangunan belia negara, Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015–2035 telah mengenal pasti beberapa cabaran utama yang mempengaruhi kesejahteraan dan pembangunan belia, khususnya dalam aspek sosial, ekonomi, teknologi dan politik. Walau bagaimanapun, perkembangan semasa menunjukkan bahawa, cabaran yang dihadapi oleh belia semakin kompleks dan turut merangkumi dimensi lain seperti persekitaran serta nilai. Perubahan pesat dalam teknologi, struktur ekonomi dan corak kehidupan masyarakat turut mempengaruhi cara belia berfikir, bertindak dan merancang masa depan mereka. Oleh itu, pemahaman yang lebih mendalam mengenai dinamika perubahan ini amat penting bagi memastikan dasar dan program pembangunan belia kekal relevan serta responsif terhadap realiti semasa.

Selain itu, terdapat juga kebimbangan yang semakin ketara dalam kalangan belia berkaitan ketidaktentuan masa depan, khususnya dalam aspek pekerjaan dan kestabilan ekonomi. Sebahagian belia yang telah memasuki alam pekerjaan berdepan kebimbangan terhadap risiko kehilangan pekerjaan, manakala lepasan pelajar pula berdepan ketidakpastian apabila melangkah ke pasaran kerja. Pada masa yang sama, perkembangan ekonomi gig dan peningkatan aktiviti keusahawanan dalam kalangan belia turut membawa peluang baharu, namun pada masa yang sama menuntut tahap ketahanan diri dan keupayaan menyesuaikan diri yang tinggi. Situasi ini menunjukkan bahawa, belia memerlukan sokongan yang bersesuaian bagi membantu mereka menghadapi perubahan yang berlaku dalam persekitaran ekonomi dan sosial.

Sehubungan itu, persoalan penting timbul mengenai tahap kesediaan belia dalam menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan. Kesediaan ini tidak hanya diukur melalui pencapaian akademik atau kemahiran teknikal semata-mata, tetapi turut melibatkan aspek pemikiran, daya tahan serta keupayaan untuk bertindak secara proaktif dalam menghadapi perubahan. Generasi belia yang berdaya tahan dan berfikiran ke hadapan berpotensi menjadi pemangkin kepada kemajuan negara, manakala kekurangan persediaan dalam kalangan mereka boleh memberi implikasi kepada pembangunan sosial dan ekonomi pada masa akan datang.

Bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai keadaan semasa belia di Malaysia, kajian ini memberi tumpuan kepada lapan kumpulan sasaran belia iaitu Belia Bersekolah; Belia Pengajian Tinggi; Belia Berkerjaya; Perkumpulan Belia Malaysia Antarabangsa; Belia Massa; Belia Berisiko serta Belia Minoriti dan Terpinggir. Salah satu kumpulan sasaran belia yang turut diberi perhatian ialah belia dalam kategori *Not in Employment, Education or Training* (NEET), iaitu golongan yang tidak terlibat dalam sistem pekerjaan, pendidikan mahupun latihan kemahiran secara formal. Golongan ini berpotensi menghadapi risiko terpinggir dari arus perdana pekerjaan, pendidikan atau latihan sekiranya tidak diberikan perhatian melalui intervensi yang bersesuaian.

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap potensi dan daya saing bagi kebolehpasaran belia dalam bidang pekerjaan, pendidikan atau latihan, di samping memahami keperluan dan kebimbangan mereka terhadap cabaran semasa dan masa hadapan. Kajian ini juga meneliti tahap kesediaan belia dari sudut pemikiran, daya tahan dan tindakan bagi mendepani pelbagai cabaran yang wujud yang melibatkan elemen sosial, ekonomi, teknologi, persekitaran, politik dan nilai. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyediakan input yang berguna kepada kerajaan dan pemegang taruh pembangunan belia bagi merangka inisiatif yang lebih berfokus, di samping menyumbang kepada pembangunan pelan tindakan pembangunan belia yang mampu memperkukuh ekosistem pembangunan belia secara menyeluruh dan mampan serta kalis cabaran masa depan.

1
PENGENALAN KAJIAN

Bahagian ini menerangkan latar belakang kajian.



LATAR BELAKANG

Perubahan pesat dalam landskap ekonomi, teknologi dan sosial pada masa kini telah mewujudkan pelbagai bentuk ketidaktentuan yang memberi kesan langsung kepada kehidupan golongan belia. Perkembangan teknologi digital, transformasi pasaran pekerjaan serta perubahan struktur ekonomi global menuntut generasi muda belia untuk memiliki tahap kesiapsiagaan yang lebih tinggi bagi menyesuaikan diri dengan situasi semasa dan pada masa akan datang. Dalam konteks ini, kesediaan belia untuk menghadapi ketidaktentuan tersebut tidak hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata, tetapi turut melibatkan aspek kemahiran insaniah, daya tahan diri serta keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan serta perkembangan yang berlaku.

Tahap kesediaan belia tidak bersifat seragam kerana mereka terdiri daripada kelompok umur dan latar belakang yang berbeza. Oleh itu, pendekatan yang digunakan untuk memahami serta memperkasakan potensi belia perlu mengambil kira kepelbagaian ciri dan pengalaman yang dimiliki oleh golongan ini. Pendekatan yang bersifat menyeluruh dan berasaskan bukti amat diperlukan bagi mengenal pasti kekuatan serta kekangan yang dihadapi oleh belia, khususnya dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran mereka dalam persekitaran pekerjaan yang semakin kompetitif.

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan di seluruh Malaysia yang melibatkan lapan (8) kumpulan sasaran belia termasuk belia *Not in Employment, Education or Training* (NEET). Bagi mengukur kompetensi potensi dan daya saing belia dalam aspek pengetahuan, kemahiran, sikap serta nilai yang menyokong pembangunan diri dan kebolehan individu untuk berfungsi secara berkesan, maka sebanyak lima (5) domain dan 19 indikator telah dibangunkan.

Pengenalpastian jurang kompetensi ini seterusnya dapat membantu dalam merangka intervensi pembangunan belia yang lebih bersasar dan berkesan. Dengan memahami kekuatan dan kelemahan yang dimiliki oleh setiap kelompok belia, pihak berkepentingan dapat merancang program, latihan dan inisiatif pembangunan yang lebih relevan dengan keperluan sebenar golongan belia. Pendekatan ini juga mampu menyokong usaha meningkatkan kebolehpasaran belia serta memperkukuh keupayaan mereka untuk beradaptasi dalam pasaran kerja yang semakin dinamik dan mencabar.

> **“Sebagai anak muda kita punya tanggungjawab, kita kena berfikir, menilai, kita harus sedar bahawa untuk jadi manusia berguna kepada keluarga dan negara, kita harus mulakan dengan persiapan keyakinan, ilmu, amal dan tindakan”**
>
> YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia
> Sempena Hari Belia Negara 2023



Jurang Kajian

- Kajian yang memberi tumpuan khusus berhubung potensi, daya saing dan kebolehpasaran belia dalam kelompok sasaran belia 15-30 tahun masih terhad;
- Pelaksanaan kajian menggunakan kaedah mixed method masih perlu diperbanyakkan bagi mendapatkan data berupaya memberi penjelasan/ memberi justifikasi;
- Penelitian terhadap trend terkini kompetensi belia NEET yang dinamik memerlukan kajian berterusan; dan
- Kajian secara spesifik melibatkan belia NEET masih perlu diberi perhatian.

Objektif Kajian

- Mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi belia pada masa kini serta akan datang;
- Meneroka tahap potensi, daya saing, daya fikir, daya tindak, daya tahan bagi kebolehpasaran belia dalam pekerjaan, pendidikan dan atau latihan khususnya dalam mendepani cabaran masa kini dan akan datang;
- Membangun profil belia dalam kategori *Not in Employment, Education or Training* (NEET);
- Mengesyorkan pelan mitigasi bagi membantu belia NEET;
- Mengesyorkan inisiatif berfokus melibatkan 8 kumpulan sasaran belia kepada pemegang taruh pembangunan belia ; dan
- Hasil kajian dikongsikan sebagai input pembangunan pelan tindakan pembangunan belia.

Penjajaran Kepada Dasar dan Polisi Kerajaan

Kajian ini dilaksanakan selaras dengan dasar dan polisi di peringkat nasional dan antarabangsa. Tumpuan kepada kelompok belia dan dan belia NEET khususnya dalam aspek kebolehpasaran memberi impak yang ketara ke atas perkembangan ekonomi dan keseimbangan serta kemakmuran negara.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)



Bab 6: Membangunkan Masyarakat Inklusif dan Lebih Berdaya Tahan

Strategi G2: Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing Memperkukuh Pembangunan dan Penyertaan Belia.

Kajian bagi mengenal pasti profil belia yang berada dalam kategori bukan pekerjaan, pendidikan atau latihan (NEET) akan dilaksana untuk melibatkan semula kumpulan ini dalam masyarakat.


Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 - 2035



Memperkukuh dan Menyerlahkan Potensi Belia

9 Bidang Keutamaan Belia Pendidikan dan Latihan Kemahiran, Kenegaraan dan Jati Diri, Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera, Kepemimpinan; Kesukarelawanan dan Masyarakat Sivil, Keusahawanan, Penyelidikan dan Inovasi, Profesionalisme Kerja Belia dan Pengiktirafan.

Sustainable Development Goals (SDG) 20230



Perkembangan ekonomi dan keseimbangan kemakmuran di Malaysia

SDG 8 dalam *Sustainable Development Goals* telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan dengan ketara komposisi Belia NEET.

Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030



Bab 6: Membangunkan Masyarakat Inklusif dan Lebih Berdaya Tahan

Menyasarkan penurunan peratusan Belia dalam Kategori NEET kepada **8.9% pada tahun 2030 berbanding 10.2% pada tahun 2022**


Kerangka Konseptual


***Facts & Figures* Kajian Potensi, Daya Saing dan Kebolehpasaran Belia dalam Pekerjaan, Pendidikan dan Latihan**

Satu kerangka konseptual telah dibangunkan bagi menilai tahap potensi dan daya saing belia dalam mendepani cabaran masa kini dan masa hadapan. Kerangka ini merangkumi lima domain utama iaitu **Potensi Diri, Daya Saing, Daya Fikir, Daya Tindak dan Daya Tahan.** Setiap domain tersebut diukur melalui beberapa indikator yang merangkumi keseluruhan 19 indikator kompetensi teras yang penting dalam membentuk keupayaan belia untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan persekitaran semasa. Kompetensi ini meliputi aspek pengetahuan, kemahiran, sikap serta nilai yang menyokong pembangunan diri dan kebolehan individu untuk berfungsi secara berkesan.

Melalui kerangka konseptual ini, tahap kompetensi belia dapat dinilai secara lebih sistematik bagi memahami sejauh mana mereka bersedia menghadapi perubahan dalam pasaran kerja, perkembangan ekonomi serta cabaran sosial yang semakin kompleks. Penilaian ini juga membolehkan penilaian dilaksanakan mengikut kelompok belia yang berbeza, termasuk belia massa dan belia dalam kategori *Not in Employment, Education or Training* (NEET).

Kerangka ini dibangunkan berpandukan kerangka antarabangsa daripada *Cambridge Life Competencies Framework* (2022) dan *Support for States Employability Standards in Career and Technical Education* (2019). Kerangka rujukan ini dipilih kerana menyediakan penanda aras global yang memberi penekanan kepada perkembangan kemahiran holistik merangkumi aspek kognitif, sosial, emosi dan keupayaan bekerja dalam ekosistem masa hadapan.





Diadaptasi dan disesuaikan daripada Cambridge Life Competencies Framework (2022) & Support for States Employability Standards in Career and Technical Education (2019)

Kebolehpasaran: Ciri-ciri yang dimiliki oleh seseorang individu untuk mendapat serta mengekalkan pekerjaan. Ini diadaptasi dan disesuaikan daripada *National Graduate Employability* 2012-2017. Dalam konteks belia NEET, kebolehpasaran ditakrif sebagai kebolehupayaan, iaitu keupayaan individu membina dan menyesuaikan kapasiti diri (kemahiran, sikap dan daya tahan) untuk bergerak ke arah pendidikan, latihan atau pekerjaan.

Definisi Operasi

Domain Potensi

Merujuk kepada bakat semulajadi, perkembangan diri dan kualiti peribadi yang dimiliki untuk diserlahkan bagi mengatasi cabaran dalam kehidupan.

Terdapat lima (5) indikator yang diukur bagi domain ini merangkumi:

i. Kualiti peribadi
Merujuk kepada ciri-ciri dalaman yang ada pada belia agar berkeupayaan bertindak dalam pelbagai situasi.

ii. Perkembangan diri
Merujuk kepada ciri-ciri yang ada pada belia untuk memajukan diri bagi mencapai cita-cita.

iii. Kepimpinan
Merujuk kepada ciri-ciri dalaman dan luaran yang ada pada belia untuk memimpin dan mempengaruhi orang lain bagi mencapai sesuatu matlamat.

iv. Celik Digital
Merujuk kepada ciri-ciri yang ada pada belia untuk mencari, menilai, menyampaikan dan menggunakan maklumat melalui platform digital dan memantau perilaku dalam menggunakan teknologi merangkumi etika, norma dan budaya.

v. Kemahiran interpersonal
Merujuk kepada keupayaan individu untuk berinteraksi secara berkesan dengan orang lain melalui komunikasi yang jelas serta kebolehan bekerjasama dalam pelbagai situasi.

Domain Daya Saing

Merujuk kepada keinginan, kemampuan dan ketersediaan untuk bersaing bagi meningkatkan kebolehpasaran Terdapat lima (3) indikator yang diukur bagi domain ini merangkumi:

i. Proaktif
Merujuk kepada tindakan yang dilakukan untuk mencapai keinginan bagi meningkatkan pencapaian dan kedudukan diri.

ii. Pendayaupayaan kendiri
Merujuk kepada tindakan dan usaha untuk memperkasakan diri dalam kehidupan.

iii. Pengurusan kewangan peribadi
Merujuk kepada pengetahuan merancang dan mengurus kewangan individu secara sistematik dan teratur.

Domain Daya Tindak

Domain daya tindak merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh individu untuk berhadapan dan mengatasi cabaran hidup.

Terdapat tiga (3) indikator yang diukur bagi domain ini merangkumi:

i. Orientasi Masalah
Merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk menyelesaikan masalah.

ii. Orientasi Emosi
Merujuk kepada kaedah atau tindakan yang dapat menghilangkan emosi negatif seperti kekecewaan, kesedihan dan kemarahan.

iii. Orientasi Pengelakan
Merujuk kepada tindakan mengalihkan perhatian kepada perkara yang menyebabkan tekanan.



Domain Daya Fikir

Domain daya fikir merujuk kepada kekuatan atau keupayaan untuk menggunakan akal fikiran. Terdapat empat (4) indikator yang diukur bagi domain ini merangkumi:

i. **Pemikiran kritis**
Merujuk kepada proses berfikir secara mendalam, rasional, berhati-hati dan sistematik sebelum membuat keputusan.

ii. **Pemikiran Keusahawanan**
Merujuk kepada berfikiran terbuka, sifat ingin tahu, menjana idea, sanggup menghadapai risiko dan bebas serta kebolehan mencari, mengenalpasti dan merebut peluang serta ruang.

iii. **Pemikiran Adaptif**
Merujuk kepada kebolehan untuk menyesuaikan pemikiran, pandangan dan kelakuan mengikut perubahan keadaan atau maklumat baru.

iv. **Kreatif dan Inovatif**
Merujuk kepada keupayaan fleksibiliti pemikiran yang dapat menghuraikan pelbagai cara dalam menyelesaikan masalah bagi membentuk idea, kebolehan atau kemahiran yang unik, baharu dan asli.



Domain Daya Tahan

Domain daya tahan merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk kekal komited dan berfungsi dengan baik dalam melaksanakan kehidupan seharian walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Domain ini memberi penekanan kepada kekuatan dalaman individu dalam mengurus tekanan, mengekalkan motivasi serta membuat keputusan yang rasional dan berkesan dalam situasi mencabar.

Terdapat empat (4) indikator yang diukur bagi domain ini merangkumi:

i. **Yakin diri**
Merujuk kepada kepercayaan kepada diri sendiri dan keupayaan seseorang untuk menentukan keputusan atau bertindak secara berkesan tanpa rasa takut kepada segala cabaran.

ii. **Matlamat Diri**
Merujuk kepada penetapan hala tuju diri untuk mencapai sesuatu yang terbaik dalam kehidupan.

iii. **Kawalan Diri**
Merujuk kepada kebolehan individu untuk mengawal emosi dan tindakan dalam menjalani kehidupan.

iv. **Ketabahan**
Merujuk kepada keinginan untuk meneruskan kehidupan tanpa mengenal erti putus asa.

Definisi Operasi



SIAPA BELIA

Belia merupakan individu yang berumur di antara **15 tahun dan sebelum mencapai umur 30**
Sumber: Dasar Belia Malaysia 2015-2035

3 KATEGORI BELIA

Lapan (8) kumpulan sasaran belia dikategorikan kepada tiga peringkat umur untuk meningkatkan capaian pelaksanaan program pembangunan belia kepada golongan sasaran yang lebih terkhusus



Belia Awal
15-8 Tahun
Alam Persekolahan



Belia Pertengahan
19-24 Tahun
Pengajian Tinggi atau alam Pekerjaan



Belia Akhir
25-30 Tahun
Kebanyakan di alam Pekerjaan

8 KUMPULAN SASARAN BELIA

1 BELIA BERSEKOLAH
Belia yang menuntut di peringkat sekolah menengah.

2 BELIA BERKERJAYA
Belia yang bekerja dalam pelbagai lapangan & bidang.

3 BELIA MALAYSIA ANTARABANGSA
Merangkumi belia yang sedang bekerja atau belajar di luar negara dan belia yang pernah bekerja atau belajar di luar negara.

4 BELIA MINORITI
Terbahagi kepada 2 kategori iaitu: pertama, belia minoriti seperti orang asli dan Orang Kurang Upaya (OKU) dan kedua, golongan terpinggir iaitu anak yatim, miskin, gelandangan, ibubapa tunggal dan ibubapa bawah umur.

5 BELIA PENGAJIAN TINGGI
Belia yang menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi merangkumi universiti awam atau swasta, institusi latihan kemahiran awam atau swasta, politeknik, kolej komuniti dan kursus profesional.

6 BELIA MASSA
Merangkumi belia bandar, belia luar bandar, belia kaum utama, ikon belia, keluarga muda dan ibubapa muda.

7 PERKUMPULAN BELIA
Terbahagi kepada dua, iaitu belia yang menjadi ahli berdaftar di bawah mana-mana pertubuhan berdaftar dan belia yang menjadi ahli kumpulan berasaskan minat.

8 BELIA BERISIKO
Belia yang tergolong antaranya sebagai pesakit muda, tercicir daripada sistem persekolahan, tidak bekerjaya, mangsa dera, bekas banduan, banduan, anak banduan, muflis, bakal muflis, bekas muflis, perokok, peminum arak, menagih dadah, bekas penagih dadah, pelumba haram, kecelaruan identiti, penyeludup dan belia di sempadan.

Definisi Operasi 8 Kumpulan Sasaran Belia

- Berdasarkan konteks kajian ini, 8 kumpulan sasaran belia yang dijadikan sampel kajian adalah mewakili 8 kumpulan sasaran belia sepertimana termaktub dalam Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035.

- Walau bagaimanapun, kategori belia berisiko yang melibatkan belia tercicir daripada sistem persekolahan, tidak bekerjaya atau dikenali sebagai NEET ditakrifkan secara berasingan dalam kajian ini kerana inisiatif berfokus yang ingin dilaksanakan kepada kelompok ini.

Definisi Operasi Belia NEET

Individu yang berusia 15-24 tahun yang tidak berada dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan secara formal.
(Nota: Bermula tahun 2026, tumpuan belia NEET adalah belia berumur 15-30 tahun)

- Golongan yang produktif dan berpotensi untuk menyumbang dalam guna tenaga kerja.

- Walau bagaimanapun, sebahagian kelompok ini merupakan golongan yang berisiko dan terpinggir berhadapan dengan social inequality (ketidaksamarataan sosial). (World Bank, 2026).



Tiada Pekerjaan

Belia berumur 15-24 tahun yang tidak bekerja sama ada dalam guna tenaga dan luar guna tenaga.




Tiada Pendidikan Atau Latihan

Belia berumur 15-24 tahun yang tidak mengikuti pendidikan atau latihan secara formal (berstruktur)

Nota: Responden tidak bekerja, belajar atau mengambil apa-apa latihan dalam tempoh 4 MINGGU sebelum survei dilaksanakan. Takrifan ini diadaptasi dan disesuaikan daripada International Labor Organisation (ILO) dan penjajaran dengan lain-lain negara-negara lain.

Konsep Data NEET



Nota: Pelaksanaan pengumpulan NEET ini menggunakan pendekatan taraf sebenar yang mana seseorang itu dikelaskan berasaskan semasa minggu rujukan (4 MINGGU SEBELUM KAJIAN DILAKSANAKAN).

Definisi Operasional Tahap Pendidikan

Pendidikan Rendah:

- Tempoh 6 tahun (Tahun 1-6) di sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan. Diakhiri dengan penilaian prestasi.

Pendidikan Menengah:

- Menengah Rendah (Tingkatan 1-3): Pendedahan pelbagai bidang ilmu.
- Menengah Atas (Tingkatan 4-5): Pengkhususan aliran sastera, sains, teknikal, atau vokasional. Diakhiri dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mana-mana yang setaraf.

Pendidikan Lepas Menengah:

- Tingkatan Enam, Matrikulasi, atau Diploma, yang berfungsi sebagai pra-universiti atau mana-mana yang setaraf.

Pendidikan Tinggi:

- Pendidikan ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD atau mana-mana yang setaraf.

Pendidikan Khas & TVET:

- Pendidikan Khas untuk murid berkeperluan khas dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai laluan kerjaya.

Lain-lain:

- Sekolah tahfiz/ pondok dan *home schooling*

> **"EKOSISTEM PEMBANGUNAN BELIA MEMERLUKAN PENYELIDIKAN, DATA DAN SOKONGAN YANG DAPAT MELENGKAPKAN KEPERLUAN UNTUK TINDAKAN PADA MASA KINI DAN MASA HADAPAN."**

Strategi ini berupaya membentuk budaya penyelidikan yang berdaya saing dan inovasi; membangunkan data analisis yang sistematik serta relevan dengan keperluan semasa; dan meningkatkan hasil penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif. Penyelidikan serta data pembangunan belia diperlukan dalam menyokong semua aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia. Penemuan, penyebaran dan penggunaan hasil penyelidikan dalam pelbagai disiplin pembangunan belia pula digunakan untuk mewujudkan dan memajukan ilmu serta meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik.

Sumber: Pelan Strategik KBS 2021-2025



2

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan kaedah yang digunakan dalam pelaksanaan penyelidikan dan fasa yang terlibat dalam pembangunan penyelidikan ini.



RINGKASAN METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Pendekatan Fasa 1 : Kaedah Kualitatif

- Analisis Dokumen: Penjajaran dan Analisis Isu dan Cabaran
- Input potensi belia NEET diperolehi dengan kerjasama Unit PADU, Kementerian Ekonomi, data eKasih daripada ICU, JPM, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pendekatan Fasa 2: Kaedah Kuantitatif

- Kajian tinjauan secara keratan rentas menggunakan borang soal selidik kajian.
- Pengumpulan data dilaksanakan secara bersemuka dari rumah ke rumah dengan bantuan 324 orang IYRES *Community Enumerator* (ICE).

Populasi & Sampel Kajian

Populasi dan sampel kajian

- Populasi belia Malaysia iaitu 9.4 juta orang pada tahun 2024, manakala populasi belia NEET pada tahun 2022 adalah sebanyak 10.1% daripada jumlah populasi belia 15 hingga 24 tahun.
- Berdasarkan sampel size Krejie & Morgan 1970, bilangan responden yang diperlukan adalah 6400 orang. Sampel kajian ialah seramai 6,833 responden mewakili 8 kumpulan sasar belia.
- Berdasarkan sampel size Krejie & Morgan 1970, jumlah belia NEET yang diperlukan adalah seramai 1,300 orang. Sampel belia NEET yang diperolehi adalah seramai 1,561 orang.

Analisis Data

Perisian SPSS *(Statistical Package for the Social Sciences)*

Laporan

Facts & Figures kajian disediakan untuk tujuan perkongsian dapatan kajian dengan pemegang taruh berkaitan.

Tempoh Masa & Lokasi kajian

Tempoh Masa Kajian Keseluruhan :

- 24 Bulan (Januari 2024-Disember 2025) iaitu meliputi pembentukan konsep, pembangunan instrumen, sesi indikasi dan bengkel kumpulan berfokus, pilot test, kerja lapangan, analisis dan interpretasi data, pembangunan modul iNEET dan penulisan laporan.

Lokasi Kajian:

- Fasa 1: Seluruh Malaysia melibatkan 8 kumpulan sasaran belia
- Fasa 2: Melibatkan 29 daerah iaitu dua daerah bagi setiap negeri.

- Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan dapatan yang menyeluruh dan tepat. Pendekatan kualitatif melibatkan analisis dokumen seperti penjajaran data serta penelitian terhadap isu dan cabaran yang dihadapi. Maklumat berkaitan potensi belia NEET diperoleh melalui kerjasama pelbagai agensi termasuk Unit PADU, Kementerian Ekonomi, Unit Penyelarasan Perancangan (ICU, JPM), dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Selain itu, pendekatan kuantitatif turut digunakan melalui kajian tinjauan secara keratan rentas menggunakan soal selidik. Pengumpulan data dijalankan secara bersemuka dari rumah ke rumah dengan bantuan seramai 324 orang komuniti enumerator IYRES.
- Dari segi populasi, kajian ini melibatkan belia Malaysia yang dianggarkan seramai 9.4 juta orang pada tahun 2024. Kadar belia NEET pada tahun 2022 pula adalah sebanyak 10.1% daripada populasi belia berumur 15 hingga 24 tahun. Sampel kajian terdiri daripada 6,833 responden merangkumi lapan kumpulan sasaran belia, termasuk 1,561 responden dalam kategori NEET.
- Analisis data dilakukan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan. Hasil kajian kemudiannya dilaporkan dalam bentuk *"facts and figures"* untuk dikongsi dengan pemegang taruh.
- Tempoh kajian adalah selama 24 bulan, bermula dari Januari 2024 hingga Disember 2025, meliputi fasa pembangunan konsep, pengumpulan data, analisis, serta penulisan laporan. Kajian ini dilaksanakan di seluruh Malaysia bagi Fasa 1, manakala Fasa 2 melibatkan dua daerah bagi setiap negeri.
- Secara keseluruhan, metodologi kajian ini merangkumi lima komponen utama iaitu reka bentuk kajian, populasi dan sampel, analisis data, pelaporan, serta tempoh masa dan lokasi kajian.

Fasa 1 Kaedah Kualitatif

Kaedah Kualitatif

- Analisis dokumen sesi sedia ada untuk mengenalpasti isu dan cabaran belia dalam konteks semasa dan akan datang. Analisis ini mengambil kira data-data yang telah dikumpulkan oleh IYRES sebelum ini dalam pelbagai platform seperti sesi libat urus bersama kumpulan pelaksana dan sesi *Technical Working Group* (TWG) kajian-kajian terdahulu.

- Pembangunan instrumen turut melibatkan sesi sindikasi dan Sesi *Focus Group Discussion* (FGD) dengan kumpulan belia khususnya dalam konteks belia NEET.

Perincian Pelaksanaan

Analisis berasaskan dokumen sedia ada

- Kajian dilaksanakan dengan meneliti dokumen sesi terdahulu bagi mengenal pasti isu dan cabaran belia. Antara sumber data yang digunakan adalah melalui dokumen analisis Indeks Belia Malaysia, Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 dan *Scenario Future of Youth* 2035. Data yang dikumpulkan oleh IYRES melalui pelbagai platform dijadikan asas utama analisis.

Fokus kepada konteks semasa dan masa hadapan

- Analisis mengambil kira perubahan semasa serta jangkaan cabaran yang bakal dihadapi oleh golongan belia.

Libat urus pelbagai pihak berkepentingan

- Input diperoleh melalui sesi bersama kumpulan pelaksana daripada kajian-kajian lepas.

Pembangunan instrumen secara inklusif (sebelum kajian kuantitatif dilaksanakan)

- Instrumen dibangunkan melalui sesi sindikasi dan *Focus Group Discussion* (FGD), dengan penglibatan khusus belia termasuk golongan NEET.

Analisis Data

- Maklumat yang diperolehi dianalisa secara analisis naratif.

Consent Form

- Borang Persetujuan Responden/Ibu bapa/Penjaga disediakan dan akan dilengkapkan oleh responden sebelum meneruskan perkongsian input. Responden berumur 18 tahun ke bawah perlu mendapat persetujuan ibu bapa/penjaga. Sekiranya tidak bersetuju, kajian tidak akan diteruskan. Responden juga boleh menamatkan kajian pada bila-bila masa.

Tempoh Masa Pengumpulan data:

- Pelaksanaan pengumpulan data dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2024 hingga Ogos 2024.

Fasa 2 Kaedah Kuantitatif

Kajian Kuantitatif

- Kajian ini dilaksanakan di seluruh Malaysia.

- Melibatkan dua fokus utama persampelan belia iaitu:
  - Lapan (8) kumpulan sasaran belia (merujuk slide 9)
  - Belia NEET yang berumur 15 hingga 24 tahun

Perincian Pelaksanaan

Reka Bentuk Kajian:

- Kaedah survei melalui borang soal selidik.

Populasi dan Sampel Kajian:

- Populasi belia melibatkan 9.4 juta orang pada tahun 2024. Sampel kajian ialah seramai 6,833 responden mewakili 8 kumpulan sasaran belia. Berdasarkan saiz sampel Krejie & Morgan 1970, bilangan responden yang diperlukan adalah seramai 6400 orang (rujuk muka surat seterusnya).

- Populasi belia NEET pada tahun 2022 adalah sebanyak 10.1% daripada jumlah populasi belia 15 hingga 24 tahun. Sampel belia NEET yang telah diperolehi adalah seramai 1,561 orang. Berdasarkan saiz sampel Krejie & Morgan 1970, jumlah belia NEET yang diperlukan adalah seramai 1,300 orang (rujuk muka surat seterusnya). Kajian dilaksanakan melibatkan dua daerah bagi setiap negeri iaitu daerah yang menunjukkan statistik tertinggi berdasarkan data 'potensi' belia NEET daripada Unit PADU, Kementerian Ekonomi.

Instrumen Kajian:

- Penerangan ringkas setiap bahagian dalam borang soal selidik

Kaedah Pengumpulan Data:

- Borang soal selidik diedarkan kepada lapan (8) kumpulan sasaran belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dan belia NEET yang berumur 15 hingga 24 tahun secara temu bual bersemuka dari rumah ke rumah dengan bantuan 324 orang IYRES Community Enumerator (ICE).

Analisis Data

- Maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS.

Consent Form

- Borang Persetujuan Responden/Ibu bapa/Penjaga disediakan dan dilengkapkan oleh responden sebelum meneruskan kajian, manakala bagi responden berumur 18 tahun ke bawah persetujuan ibu bapa/penjaga diperlukan. Sekiranya tidak bersetuju, kajian tidak akan diteruskan. Responden juga boleh menamatkan kajian pada bila-bila masa.

Tempoh Masa Pengumpulan data:

- Pelaksanaan pengumpulan data dilaksanakan secara berfasa iaitu bagi lapan (8) kumpulan sasaran belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun bermula pada bulan Mei 2025 sehingga November 2025 dan pengumpulan data belia NEET bermula pada bulan Oktober 2025 hingga Februari 2026.

Instrumen Dan Pengujian Kebolehpercayaan & Kesahan Data

Cronbach's Alpha .969

BIL.	DOMAIN	INDIKATOR		INSTRUMEN	CRONBACH ALPHA
1.	**POTENSI DIRI**	1.	Kualiti Peribadi	Ciri-ciri dalaman yang ada pada belia agar berkeupayaan bertindak dalam pelbagai situasi.	**.695**
		2.	Perkembangan Diri	Ciri-ciri yang ada pada belia untuk memajukan diri bagi mencapai cita-cita.	**.856**
		3.	Kepimpinan	Ciri-ciri dalaman dan luaran yang ada pada belia untuk memimpin dan mempengaruhi orang lain bagi mencapai sesuatu matlamat.	**.750**
		4.	Celik Digital	Ciri-ciri yang ada pada belia untuk mencari, menilai, menyampaikan dan menggunakan maklumat melalui platform digital dan memantau perilaku dalam menggunakan teknologi merangkumi etika, norma dan budaya.	**.650**
		5.	Kemahiran Interpersonal	Kebolehan individu untuk berkomunikasi, bekerjasama, berhubung dan berinteraksi dengan orang lain secara efektif, serta menunjukkan sensitiviti dan keprihatinan terhadap perasaan dan pandangan individu lain.	**.705**
2.	**DAYA SAING**	6.	Proaktif	Tindakan yang dilakukan untuk mencapai keinginan bagi meningkatkan pencapaian dan kedudukan diri.	**.532**
		7.	Pendayaupayaan	Tindakan dan usaha untuk memperkasakan diri dalam kehidupan.	**.743**
		8.	Pengurusan Kewangan Peribadi	Pengetahuan merancang dan mengurus kewangan individu secara sistematik serta teratur.	**.573**
3.	**DAYA FIKIR**	9.	Pemikiran Kritis	Proses berfikir secara mendalam, rasional, berhati-hati dan sistematik sebelum membuat keputusan.	**.716**
		10.	Pemikiran Keusahawanan	Keupayaan individu untuk mengenal pasti peluang yang wujud, memanfaatkannya secara proaktif serta belajar daripada pengalaman bagi mencapai kejayaan.	**.726**
		11.	Pemikiran Adaptif	Kebolehan untuk menyesuaikan pemikiran, pandangan dan kelakuan mengikut perubahan keadaan atau maklumat baru.	**.584**
		12.	Kreatif & Inovatif	Keupayaan fleksibiliti pemikiran yang dapat menghuraikan pelbagai cara dalam menyelesaikan masalah bagi membentuk idea, kebolehan atau kemahiran yang unik, baharu dan asli.	**.844**

BIL.	DOMAIN	INDIKATOR		INSTRUMEN	CRONBACH ALPHA
4.	**DAYA TAHAN** 	13.	Yakin Diri	Kepercayaan kepada diri sendiri dan keupayaan seseorang untuk menentukan keputusan atau bertindak secara berkesan tanpa rasa takut kepada segala cabaran.	**.688**
		14.	Matlamat Diri	Penetapan hala tuju diri untuk mencapai sesuatu yang terbaik dalam kehidupan.	**.754**
		15.	Kawalan Diri	Kebolehan individu untuk mengawal emosi dan tindakan dalam menjalani kehidupan.	**.700**
		16.	Ketabahan	Keinginan untuk meneruskan kehidupan tanpa mengenal erti putus asa .	**.703**
5.	**DAYA TINDAK** 	17.	Penyelesaian masalah	Kaedah yang digunakan untuk menyelesaikan masalah.	**.539**
		18.	Pengurusan emosi	Kaedah atau tindakan yang dapat menghilangkan emosi negatif seperti kekecewaan, kesedihan dan kemarahan.	**.454**
		19.	Pengelakan	Tindakan mengalihkan perhatian kepada perkara yang menyebabkan tekanan	**.655**

Pengumpulan Data 8 Kumpulan Sasar Belia

Jumlah data terkumpul adalah seramai **6,833 orang.**

Johor	748
Kedah	408
Kelantan	265
Melaka	227
Negeri Sembilan	333
Pahang	252
Perak	535
Perlis	142
Pulau Pinang	134
Sabah	1156
Sarawak	269
Selangor	1082
Terengganu	395
Wilayah Persekutuan Labuan	273
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	314
Wilayah Persekutuan Putrajaya	300



Pengumpulan Data Belia NEET

Jumlah data terkumpul adalah seramai **1,561 orang.**

Johor	105	Johor Bahru Batu Pahat
Kedah	160	Kota Setar Kuala Muda
Kelantan	137	Kota Bharu Pasir Mas
Melaka	23	Melaka Tengah Alor Gajah
Negeri Sembilan	55	Seremban Port Dickson
Pahang	123	Kuantan Pekan
Perak	107	Kinta Manjung
Perlis	22	Arau
Pulau Pinang	52	Seberang Perai Tengah Timur Laut
Sabah	215	Kota Kinabalu Tawau
Sarawak	230	Kuching Sibu
Selangor	141	Petaling Klang
Terengganu	128	Kuala Terengganu Besut
Wilayah Persekutuan Labuan	6	Labuan
Wilayah Persekutuan Putrajaya	1	Putrajaya
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	55	Kuala Lumpur



Nota: Pengiraan sampel menggunakan data PADU (2 daerah tertinggi statistik NEET bagi setiap negeri). Persampelan kajian menggunakan kaedah *Proportionate Random Sampling* mengikut negeri dan persampelan bertujuan.

Penentuan Skala Skor

PENGIRAAN SKOR MENGIKUT INDIKATOR

$$SKOR\ INDIKATOR = \frac{Mean\ Item\ mengikut\ Indikator - Minimum\ Skala}{(Maksimum\ Skala - Minimum\ Skala)} \times 100$$

Minimum Skala = 1
Maksimum Skala= 5


PENGIRAAN SKOR DOMAIN

$$SKOR\ KESELURUHAN = \frac{\sum SKOR\ DOMAIN}{BILANGAN\ DOMAIN} \times 100$$

PENGIRAAN SKOR KESELURUHAN

$$SKOR\ KESELURUHAN = \frac{\sum SKOR\ DOMAIN}{BILANGAN\ DOMAIN} \times 100$$

SKALA PETUNJUK SKOR



3

ISU DAN CABARAN BELIA


Bahagian ini menerangkan dapatan Objektif 1: Mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi belia masa kini serta akan datang.



Senario, Isu dan Cabaran Belia Malaysia

Belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai senario, isu dan cabaran yang kompleks merangkumi aspek ekonomi, sosial dan pembangunan diri, teknologi, nilai, persekitaran, politik, ketidaksepadanan kemahiran, tekanan kos sara hidup serta cabaran keterlibatan dalam pembangunan negara pada masa kini dan masa hadapan.





Sumber: *Scenarios: Future of Youth 2035 (2021)*

SOSIAL

- Pendidikan
- Gejala Sosial
- Kerohanian dan
- Keagamaan
- Nilai Murni
- Jati Diri dan Perpaduan
- Kesukarelawanan
- Kesihatan Mental dan Fizikal
- Institusi Kekeluargaan
- Sentuhan Insaniah
- Institusi Masyarakat
- Pendidikan/Kemahiran TVET

EKONOMI

- Kos Sara Hidup
- Budaya Keusahawanan
- Kemahiran
- Pekerjaan dan penganguran
- Belia Miskin Bandar
- Literasi kewangan
- Perumahan

TEKNOLOGI

- Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Media Digital atau Sosial
- Inovasi dan Kreativiti
- Sains dan Teknologi

PERSEKITARAN

- Kesedaran dan amalan terhadap alam sekitar
- Kelestarian Alam Sekitar
- Ekologi

POLITIK

- Literasi Politik
- Kandungan Politik
- Kepimpinan
- Pemikiran Global
- Hubungan Serantau dan Antrabangsa
- Penglibatan/ suara belia/ kepimpinan

NILAI


- Identiti Diri
- Integriti dan Etika

Sumber: Diadaptasi dan disesuaikan daripada Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035, Model Pembangunan Belia Madani 2030, Pelan Pemerkasaaan Sosioekonomi Belia 2030 dan *Scenarios Future of Youth* 2035

Isu dan Cabaran Belia NEET

Belia merupakan antara penyumbang utama kepada pembangunan dan kemajuan negara. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelompok belia yang masih tercicir iaitu berada dalam guna tenaga tetapi tidak bekerja, berada di luar guna tenaga, tidak terlibat dalam pendidikan atau latihan. Usaha untuk mengatasi masalah kelompok ini perlu diteruskan dan ditambah baik. Kekurangan maklumat atau pangkalan data (database) yang lengkap menyebabkan isu NEET sukar ditangani. Ini menyebabkan wujudnya kesukaran kepada penggubal polisi dan pemegang taruh pembangunan belia untuk merangka strategi yang bersesuaian dan bertepatan dengan kumpulan sasaran. Sehubungan itu, inisiatif ini digerakkan untuk mengumpul profil belia NEET di Malaysia.

PERATUSAN (%) BELIA 15-24 TAHUN *NOT IN EMPLOYMENT, EDUCATION OR TRAINING* (NEET)




Anggaran seramai 512,000 belia berumur 15 hingga 24 tahun pada tahun 2024.

Anggaran seramai 1,023,700 daripada 9,658,000 populasi belia berumur 15 hingga 30 tahun adalah NEET.

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2025

STATISTIK PERATUSAN (%) KECICIRAN MURID DI SEKOLAH BAGI TAHUN 2016 - 2023



Selain itu, isu keciciran di peringkat sekolah melibatkan pelajar menengah adalah sebanyak 0.83% pada tahun 2023 manakala pelajar rendah sebanyak 0.06%

Pelajar Menengah

Pelajar Rendah

Nota:
Data murid sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja. Data yang diterima untuk pengiraan adalah berbentuk aggregat. Terdapat mobiliti murid daripada satu negeri ke negeri yang lain.

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2023

Kajian Belia NEET IYRES

Kajian berhubung belia NEET telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015 oleh IYRES. Pada tahun 2020, survei dilaksanakan bagi mengumpulkan profil belia NEET.

2015

- Definisi: Individu yang berusia antara 15 hingga 29 tahun tidak berada dalam sistem pendidikan rasmi, tidak bekerja dan juga tidak mengikuti latihan dari mana-mana institusi latihan.
- Kajian ini telah dilaksanakan pada tahun 2015 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama Universiti Putera Malaysia (UPM).
- Kajian ini mengambil peranan untuk menerangkan dan merungkai senario NEET di Malaysia yang mencakupi tiga kategori utama iaitu suri rumah, Orang Kurang Upaya dan golongan tercicir dari persekolahan *(drop-out)*.
- Selain itu, melalui kajian ini juga merungkai faktor-faktor berlakunya NEET dalam kalangan belia Malaysia. Kebanyakan negara yang telah menjalankan kajian dan mengumpulkan maklumat untuk membentuk profil bagi golongan belia NEET seperti negara Eropah, China, Jepun dan United Kingdom mendapati hampir separuh daripada ajian berhubung belia NEET telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015 oleh IYRES. Pada tahun 2020, survei dilaksanakan bagi mengumpulkan profil belia NEET.

2020

- Pengumpulan Profil Belia dalam Kategori NEET dilaksanakan oleh IYRES bermula dari bulan Jun 2020 hingga Julai 2020.
- Belia dalam kategori *Not in Education, Employment and Training* (NEET) merupakan individu berusia antara 15 hingga 40 tahun (belia) yang tidak terlibat dengan sebarang program pendidikan, tidak bekerja, dan juga tidak melibatkan diri dengan sebarang program latihan kemahiran.
- Pihak IYRES telah menganalis adapatan tersebut melalui 3 ciri berikut, iaitu:
  i) Mempunyai satu sahaja daripada ciri di atas
  ii) Mempunyai dua daripada ciri di atas
  ii) Mempunyai ketiga-tiga ciri di atas
- Dapatan ini tidak boleh mengeneralisasikan keseluruhan belia di Malaysia.
  http://bit.do/POLLING-NEET-2020

Perbandingan Mengikut Negara



Amerika Syarikat

- Individu NEET adalah anak muda dalam linkungan umur antara 16 hingga 24 tahun yang tidak bersekolah mahupun berkerja.
- Di Amerika Syarikat, golongan ini digelar sebagai "disconnected youth" atau "opportunity youth", terma yang mula digunapakai oleh White House Council for Community Solutions pada tahun 2012.
- Golongan lelaki lebih cendurung tergolong sebagai "disconnected youth" berbanding golongan wanita, namun bergantung juga kepada negeri, wilayah, kawasan metropolitan serta jenis ras dan etnik.
- Akses pendidikan, jurang sosioekonomi antara ras dan etnik, masalah pengangkutan dan cabaran kesihatan menjadi antara faktor utama yang mempengaruhi kadar *"disconnected youth"* di Amerika Syarikat.

Sumber: *Measure of America of the Social Science Research Council*



Australia

- Penilaian kadar golongan anak muda NEET di Australia terbahagi kepada dua kumpulan umur iaitu belia remaja (berumur 15-19 tahun) dan belia muda (berumur 20-24 tahun).
- Kadar peratus belia remaja NEET kebiasaannya lebih rendah berbanding kadar belia muda kerana belia remaja masih berada dalam pendidikan menengah manakala sebilangan besar belia muda yang telah menamatkan pendidikan menengah akan beralih ke pasaran buruh atau pendidikan lepas menengah.
- Latar belakang sosioekonomi, hubungan dengan ibubapa, tempat tinggal (sama ada bandar atau luar bandar) dan keperluan pendidikan khas (ketidakupayaan pembelajaran, kecacatan fizikal atau gangguan kesihatan mental) mempengaruhi kecenderungan anak muda untuk menjadi individu NEET di Australia.

Sumber: *Adolescent Education and Pre-Employment Interventions in Australia: Keeping Young People in Education, Employment and Training, OECD (2023)*



Brazil

- Individu "nem-nem" (nem estuda, nem trabalha), dalam bahasa Portugis yang bermaksud tidak belajar serta bekerja adalah gelaran bagi anak muda yang berumur di antara 15 hingga 29 tahun yang tiada pekerjaan dan tidak menghabiskan pengajian di Brazil.
- Individu "nem-nem" tidak semestinya terdiri daripada individu yang malas atau tidak produktif. Pelbagai faktor mempengaruhi sama ada mereka tidak bersekolah atau gagal mendapatkan pekerjaan.
- Keperluan untuk bekerja akibat desakan ekonomi keluarga, kurang minat untuk belajar dan kehamilan muda menjadi antara punca utama belia di Brazil berhenti belajar di peringkat pendidikan asas.
- Individu yang berjaya menamatkan pengajian tinggi pula sukar mendapatkan pekerjaan yang berkualiti yang setaraf dengan kelayakan akademik mereka akibat dari kelemahan ekonomi negara dan dasar kerajaan untuk memastikan keseimbangan permintaan pasaran buruh.

Sumber: *The Brazilian Institute of Geography and Statistics*



Britain

- Individu NEET di Britain ditakrifkan sebagai anak muda yang berumur di antara 16 hingga 24 tahun, yang menganggur atau tidak aktif dari segi ekonomi dan tidak mengambil pengajian atau latihan kemahiran.
- Kebarangkalian untuk terdorong menjadi individu NEET adalah tinggi bagi mereka yang tergolong dalam golongan yang:
  i) telah dibuang atau digantung sekolah;
  ii) tidak berjaya mencari pekerjaan atau mendapatkan latihan kemahiran dalam tempoh yang lama;
  iii) menanggung anak sendiri atau ibu bapa yang berusia;
  iv) mempunyai masalah kesihatan;
  v) mengalami kecacatan fizikal atau mental.
- Kadar individu NEET di Britain pada tahun 2025 menurun sebanyak 0.3% iaitu pada kadar 13.3%, berbanding dengan tahun 2024 pada kadar 13.6%.

Sumber: *Labour Force Survey by the Office for National Statistics (ONS)*

Perbandingan Mengikut Negara

China

- Individu NEET di China adalah anak muda yang berumur antara 16-24 yang sama ada tidak bekerja, tidak mencari pekerjaan, tidak bersekolah dan juga tidak menghadiri manamana latihan kemahiran bagi tujuan mendapatkan pekerjaan.
- Pada tahun 2025, anak muda NEET dalam kawasan bandar mencatatkan kadar pengangguran tertinggi berbanding kumpulan umur yang lain, iaitu pada kadar 16.65%.
- Anak muda ini lebih cenderung untuk mengabaikan atau tidak menyambung pengajian selepas pendidikan menengah kerana merasakan diri mereka tidak bersedia, tidak pasti tentang prospek masa hadapan dan tekanan ibu bapa yang meletakkan harapan melampau.
- Kemunculan juga budaya "tang ping", istilah Cina yang menggambarkan penolakan terhadap persaingan sosial dan tekanan masyarakat untuk bekerja secara berlebihan. Anak muda ini lebih mengutamakan kesihatan mental berbanding materialisme ekonomi dan lebih cenderung menjadi individu NEET atas pilihan sendiri.

Sumber: *China National Bureau of Statistics*

Jepun

- Konsep belia NEET di Jepun, "niito" adalah ditakrifkan sebagai individu yang berumur dalam linkungan 15 hingga 34 tahun, tidak aktif mencari kerja, tidak berminat untuk bekerja, tidak menjalani pengajian atau latihan kemahiran dan juga tidak terlibat dengan kerja-kerja rumah. Konsep ini sekali gus mengecilkan kriteria "niito" dan mengasingkan belia yang aktif mencari kerja dan suri rumah (wanita yang telah berkahwin).
- Kadar NEET dalam kalangan belia di Jepun kekal rendah secara konsisten berbanding dengan negara-negara serantau pada kadar 3.1% (ILOSTAT, 2019) kerana sistem pengambilan pekerja dari kalangan graduan secara besar-besaran yang diamalkan oleh kebanyakan syarikatsyarikat korporat di Jepun.
- Proses pengambilan pekerja akan diaturkan oleh syarikat bersama dengan pihak sekolah atau institusi pengajian sebelum pelajar tamat pengajian lagi. Walaupun tiada pengalaman bekerja, graduan yang terpilih akan diberikan pendedahan dan latihan kemahiran serta tawaran kontrak pekerjaan tempoh tetap.

Sumber: *Who Are the Youth NEET in the Philippines Today? Philippine Institute for Development Studies*

Filipina

- Kadar belia NEET yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun di Filipina adalah 12.4% (ILOSTAT 2023) dan menjadi negara yang mempunyai kadar NEET ketiga tertinggi di rantau Asia Tenggara (selepas Indonesia dan Brunei Darussalam)
- Sebahagian besar belia perempuan beralih kepada ketidakatifan setelah menghabiskan pengajian kerana berkahwin atau menjaga keluarga, lalu menjadi faktor kadar belia NEET perempuan lebih tinggi berbanding lelaki.
- Golongan belia Filipina yang berasal dari latar belakang keluarga berpendapatan rendah dan tinggal di daerah yang jauh dari ibu negara juga mempunyai kecenderungan NEET yang tinggi.
- Hanya satu daripada empat orang belia NEET memilih bidang pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) menjadi antara faktor anak muda ini tidak mencukupi modal insan untuk mereka bersedia mendapatkan pekerjaan yang berbaloi.

Sumber: *Who Are the Youth NEET in the Philippines Today? PhilippineInstitute for Development Studies*

Jordan

- Jordan memiliki kadar anak muda (berumur antara 15 hingga 24 tahun) NEET yang paling tinggi dalam rantau Asia Tengah iaitu pada kadar 30.2% (2023) di mana sebahagian besar adalah individu yang telah berkahwin, wanita dan belia berpendidikan tinggi, terutamanya yang berasal dari kawasan luar bandar.
- Jurang jantina bagi individu NEET adalah agak ketara di Jordan, dengan perbezaan kadar antara golongan lelaki dan wanita, masing-masing adalah 26.3% dan 34.5%.
- Antara faktor utama yang mempengaruhi adalah:
  i) ketidakpadanan antara tahap kemahiran dengan permintaan pasaran buruh,
  ii) peluang pekerjaan yang terhad bagi graduan baharu,
  iii) kemudahan penjagaan kanak-kanak yang tidak mencukupi bagi wanita yang ingin berkerjaya; dan
  iv) perkhidmatan pengangkutan yang terhad untuk menghubungkan kawasan bandar dan luar bandar.

Sumber: *International Labour Organization Database on International Labour Statistics (ILOSTAT)*



Indonesia

- Individu NEET di Indonesia adalah merujuk kepada anak muda yang berumur antara 15 hingga 24 tahun, sedang menganggur dan tidak berada dalam pengajian atau latihan kemahiran.
- Kadar individu NEET Indonesia adalah antara yang tertinggi dalam rantau Asia Tenggara iaitu pada kadar 21.4% (ILOSTAT) dimana majoriti adalah terdiri daripada golongan wanita.
- Faktor yang mempengaruhi anak muda untuk berpotensi menjadi individu NEET adalah berkahwin muda bagi wanita, sakit atau kurang upaya, tinggal di kawasan luar bandar, latar belakang keluarga berpendapatan rendah dan kemiskinan daerah.
- Manakala, faktor yang menyebabkan anak muda kurang menjadi individu NEET adalah latar belakang keluarga yang berpendapatan tinggi, berpendidikan tinggi, memiliki wanita sebagai ketua keluarga, tiada ahli keluarga yang tua atau sakit dan menerima bantuan sosial.

Adulthood: Not in Education, Employment, or Training (NEET) Youth in Indonesia, Journal of Social and Political Sciences, Vol. 7(2).



Itali

- berumur antara 15 hingga 29 tahun, tidak ada pekerjaan formal dan sedang tidak berada dalam pengajian mahupun mengambil latihan kemahiran.
- Kadar individu NEET Itali adalah antara yang tertinggi di rantau Eropah iaitu pada kadar 15.2% (EUROSTAT 2024).
- Majoriti individu NEET Itali adalah golongan wanita, belia yang berasal dari kawasan luar bandar, dan belia yang hanya menghabiskan pengajian di tahap pendidikan menengah.
- Kadar individu NEET yang tinggi di Itali juga adalah didorong oleh kekurangan peluang pekerjaan yang berkualiti dan ketidakpadanan kemahiran yang dimiliki graduan dengan keperluan sebenar industri.

Sumber: *Eurostat, European Union*



Kanada

- Belia NEET di Kanada adalah anak muda yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 29 tahun, telah meninggalkan pengajian, menganggur dan juga tidak mengambil sebarang latihan kemahiran formal.
- Kadar belia NEET di Kanada pada tahun 2025 meningkat sebanyak 0.3% iaitu pada kadar 13.3% (ILOSTAT).
- Peningkatan kadar NEET dipengaruhi oleh peningkatan saiz populasi belia di Kanada. Kehadiran migran dan dasar kerajaan yang melonggarkan peraturan kerja bagi migran dan pelajar antarabangsa juga meningkatkan persaingan kerja antara belia migran dan warganegara.
- Faktor-faktor lain yang merupakan halangan merangkumi kesihatan, kos pendidikan yang tinggi, teknologi AI mengambil alih peranan jawatan peringkat pemulaan, serta ketidakseimbangan antara permintaan pasaran buruh dan kemahiran belia.

Sumber: *Statistics Canada*



Korea Selatan

- Individu NEET di Korea Selatan adalah merujuk kepada anak muda yang berumur antara 15 hingga 29 tahun, tidak bekerja dalam sektor pekerjaan bergaji tetap dan tidak berada dalam pengajian atau program latihan formal.
- Kadar individu NEET di Korea Selatan adalah sangat tinggi bagi graduan yang memiliki ijazah di peringkat pengajian tinggi; iaitu pada kadar 45%.
- Graduan berpendidikan tinggi menjadi selektif dalam usaha mencari kerja dan sering beranggapan mereka harus mendapatkan pendidikan atau latihan kemahiran tambahan yang tidak formal bagi meningkatkan peluang pekerjaan di firma-firma besar atau dalam sektor awam.
- Namun, pihak majikan pula melihat ijazah pengajian tinggi tidak cukup untuk mengukur kemahiran seseorang dan mewujudkan kaedah penilaian sendiri dalam pengambilan pekerja. Permintaan pasaran buruh yang tidak dapat dipenuhi menjadi faktor graduan berpendidikan tinggi cenderung menjadi individu NEET.

Sumber: *Policies to Increase Youth Employment in Korea, OECD Economics Department Working Paper*

Perbandingan Mengikut Negara

Sepanyol

- Kajian survei pada tahun 2023 mendapati 17.8% anak muda berumur antara 18 hingga 24 tahun adalah dikategorikan sebagai NEET, mereka yang tidak bekerja dan tidak mengambil pendidikan formal atau latihan kemahiran.
- Perbandingan antara individu NEET di Sepanyol yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 29 tahun antara warganegara dan migran mendapati masing-masing adalah pada kadar 14.2% dan 26.5%.
- Individu migran yang baru berhijrah pada usia remaja atau dewasa kurang mendapat peluang pekerjaan yang baik berbanding migran yang telah datang ke negara Sepanyol dari usia kanak-kanak.
- Anak muda migran yang telah menetap lama memiliki kelebihan dari segi pendidikan, kecekapan bahasa dan kelayakan serta pengetahuan tentang pasaran buruh di Sepanyol.

Sumber: *Education at a Glance 2024, OECD*

Singapura

- Singapura memiliki kadar anak muda (berumur antara 15 hingga 24 tahun) NEET yang paling rendah di rantau Asia Tenggara iaitu pada kadar 6.8% (ILOSTAT).
- Ibu bapa dan dasar pendidikan Singapura yang inklusif mengambil peranan penting dalam membentuk pembangunan belia Singapura dan memastikan pasaran buruh terjamin.
- Sosio-budaya rakyat Singapura sangat mementingkan pendidikan. Oleh itu, sebahagian besar belia NEET yang tidak bekerja semasa kajian dijalankan, sedang menunggu untuk menyambung pengajian tinggi atau menunggu tawaran pekerjaan yang lebih baik.
- Antara faktor yang mempengaruhi anak muda menjadi individu NEET adalah masalah kesihatan, kurang upaya, tanggungjawab keluarga, diskriminasi di tempat kerja dan masalah kewangan.

Sumber: *The State of Youth Singapore: Youth & the Future of Work, Singapore National Youth Council*

Thailand

- Belia NEET di Kanada adalah anak muda Di Thailand, kadar individu NEET yang berumur dalam linkungan umur 15 hingga 24 tahun adalah sebanyak 12.5% (ILOSTAT) dan majoritinya adalah golongan wanita.
- Antara punca anak muda terdorong untuk menjadi individu NEET:
  i) ibu bapa kurang menekankan kepentingan pendidikan dan kerjaya terhadap anak perempuan
  ii) berkahwin muda dan menjadi penjaga bagi ahli keluarga yang tua atau sakit;
  iii) kurang upaya atau memiliki masalah kesihatan serta tiada kemudahan orang kurang upaya di tempat belajar;
  iv) latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah tidak mampu menampung kos pengajian atau latihan kemahiran.
- Kadar peratus anak muda NEET yang berasal dari kawasan luar bandar Thailand adalah lebih tinggi berbanding dengan anak muda NEET dari kawasan bandar.
- Anak muda NEET di Thailand juga cenderung untuk memilih pekerjaan bermusim (tidak bergaji tetap dan singkat) dalam sektor pertanian, perikanan atau peruncitan.

Sumber: *In-depth research on youth NEET in Thailand, Unicef Thailand (2023)*

Turki

- Individu NEET di Turkiye dikategorikan sebagai anak muda berumur antara 18-29 tahun, tidak ada pekerjaan dan sedang tidak bersekolah mahupun mengambil latihan kemahiran.
- Kadar individu NEET Turkiye adalah antara yang tertinggi di rantau Asia iaitu pada kadar 22.9% (ILOSTAT 2024).
- Kadar individu NEET wanita adalah tinggi (30.1%) berbanding lelaki (16.2%), oleh kerana golongan wanita sering mengambil peranan sebagai penjaga dalam keluarga ataupun telah berkahwin muda.
- Anak muda Turkiye cenderung menjadi individu NEET apabila mereka mempunyai masalah kesihatan, kurang upaya, tinggal di kawasan luar bandar dan tidak mengambil latihan vokasional tambahan untuk menambah kemahiran diri untuk memenuhi permintaan industri.

Sumber: *International Labour Organization*

4

PROFIL DEMOGRAFI

Bahagian ini menerangkan dapatan dan gambaran utama hasil penyelidikan yang dijalankan.



Bahagian ini menghuraikan profil demografi responden mengikut kumpulan sasaran belia, merangkumi 8 kumpulan sasar serta belia dalam kategori NEET. Analisis ini penting untuk mengenal pasti perbezaan ciri dan corak antara kumpulan, sekali gus membantu memahami keperluan serta cabaran khusus yang dihadapi oleh setiap segmen belia.

Bagi 8 kumpulan sasar belia, komposisi responden adalah hampir seimbang antara perempuan (50.8%) dan lelaki (49.2%). Taburan umur menunjukkan majoriti responden berada dalam lingkungan umur belia pertengahan 19 hingga 24 tahun (42.1%), diikuti oleh umur belia akhir 25 hingga 30 tahun (36.9%) dan belia awal antara 15 hingga 18 tahun (21.1%), selaras dengan pengagihan sampel mengikut populasi belia.

Dari aspek sosial, majoriti responden adalah belum berkahwin (82.4%), diikuti oleh berkahwin (16.4%), manakala kategori lain mencatatkan peratusan yang kecil. Dari segi pendidikan, dapatan terkini menunjukkan, majoriti responden berada pada tahap pendidikan sekolah menengah (33.6%), diikuti oleh lepasan menengah/pra universiti (30.2%) dan pendidikan tinggi (29.8%), manakala hanya sebahagian kecil berada pada tahap sekolah rendah (3.6%) dan tidak bersekolah (1.6%). Keadaan ini menunjukkan bahawa, kebanyakan belia masih berada dalam laluan pendidikan formal.

Sementara itu, dari segi etnik menunjukkan, majoriti responden adalah Melayu (44.9%), diikuti oleh Cina (19.8%), Orang Asli (16.3%), India (8.2%), serta kumpulan Bumiputera Sabah (3.4%), Sarawak (2.4%) dan lain-lain (4.9) pada kadar yang lebih rendah.

Hampir keseluruhan responden bukan terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU) (99.7%), manakala hanya 0.3% terdiri daripada golongan OKU.

Jika dibandingkan dengan belia NEET, beberapa perbezaan jelas dapat diperhatikan. Komposisi jantina masih hampir seimbang dengan 52.5% perempuan dan 47.5% lelaki. Taburan umur menunjukkan majoriti responden NEET berada dalam lingkungan umur belia pertengahan 19 hingga 24 tahun (63.3%), diikuti oleh belia awal 15 hingga 18 tahun (28.7%), manakala kumpulan belia akhir 25 hingga 30 tahun hanya 8.0%.

Perbezaan paling ketara dapat dilihat pada tahap pendidikan. Dalam kalangan belia NEET, hampir separuh responden berada pada tahap pendidikan tertinggi sekolah menengah (49.7%), diikuti oleh lepasan sekolah menengah (20.3%), manakala hanya 1.7% mencapai pendidikan tinggi. Selain itu, peratusan tidak bersekolah (7.2%) dan sekolah rendah (9.8%) juga lebih tinggi berbanding kumpulan sasar belia, menunjukkan kewujudan kumpulan yang lebih terdedah kepada keciciran pendidikan. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa, sebahagian belia NEET mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah, yang boleh menghadkan peluang mereka dalam pendidikan lanjutan dan pasaran kerja.


Bagi aspek sosial, majoriti belia NEET adalah belum berkahwin (91.0%), manakala peratusan OKU (2.2%) juga lebih tinggi berbanding kumpulan sasar belia (0.3%). Keadaan ini menggambarkan bahawa, belia NEET lebih cenderung berada dalam kumpulan berisiko dan berpotensi tergolong dalam kategori belia minoriti dan terpinggir.

Kesimpulannya, dapatan ini menunjukkan bahawa, belia NEET mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah serta peratusan OKU yang lebih tinggi berbanding 8 kumpulan sasaran belia. Keadaan ini menuntut pendekatan intervensi yang lebih spesifik dan bersasar bagi menangani isu yang dihadapi oleh kumpulan ini.


Perincian Demografi 8 Kumpulan Sasaran Belia

PROFIL RESPONDEN (n=6833 ORANG)


Kategori Umur Responden




Jantina




Status Perkahwinan




Tahap Pendidikan




Etnik Responden



Kategori Belia




Kecacatan



Demografi Belia NEET


PROFIL RESPONDEN (n=1561 ORANG)

Kategori Umur Responden




Nota: Umur belia NEET berdasarkan pengiraan tahun 2025


Jantina




Status Perkahwinan




Etnik Responden



Tahap Pendidikan



Kecacatan



5

SKOR KESELURUHAN DOMAIN

Bahagian ini menerangkan dapatan Objektif 2: Meneroka tahap potensi, daya saing, daya fikir, daya tindak, daya tahan bagi kebolehpasaran belia dalam pekerjaan, pendidikan dan latihan khususnya dalam mendepani cabaran masa kini dan akan datang.



Kajian ini bertujuan menganalisis potensi, daya saing dan seterusnya tahap kebolehpasaran belia dalam konteks pekerjaan, pendidikan dan latihan. Lima domain dipilih untuk menganalisis isu ini iaitu Potensi, Daya Saing, Daya Fikir, Daya Tindak dan Daya Tahan belia.

Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan, **purata skor bagi kelima-lima domain** yang dikaji berada pada tahap yang memuaskan iaitu sebanyak 71.57%. Hanya domain daya tindak yang mencatatkan skor di bawah 70%, iaitu sebanyak 68.37% tetapi masih berada pada tahap yang memuaskan. Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa, tahap potensi, daya saing dan kebolehpasaran responden belia yang menjadi subjek kajian ini adalah memuaskan.

Dapatan kajian menunjukkan domain **Potensi** mencatatkan skor tertinggi, iaitu sebanyak 74.42%. Daripada lima indikator yang digunakan, indikator **Perkembangan Diri** mencatatkan skor paling tinggi iaitu sebanyak 83.77%, manakala indikator **Kemahiran Interpersonal** merekodkan skor terendah sebanyak 68.65%. Walaupun nilai skor ini masih dianggap memuaskan, usaha untuk membantu belia haruslah berfokus untuk meningkatkan kemahiran ini pada tahap yang lebih tinggi.

Bagi domain **Daya Saing** sebanyak tiga indikator digunakan iaitu **Proaktif, Pendayaupayaan Kendiri dan Pengurusan Kewangan Peribadi**. Hasil kajian menunjukkan, ketiga-tiga indikator ini mencatatkan skor melebihi 70%, iaitu berada pada tahap yang memuaskan. Aspek Pengurusan Kewangan Peribadi mencatatkan skor paling tinggi iaitu sebanyak 76.02% Dapatan kajian bagi domain **Daya Fikir** turut menunjukkan tahap yang memuaskan. Namun, terdapat jurang di antara indikator **Kreatif dan Inovatif** (75.38%), dan **Pemikiran Adaptif** (66.06%). Ini menunjukkan bahawa, walaupun belia mempunyai idea untuk mengubah kehidupan mereka, namun mereka menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu.

Di antara kesemua lima domain, domain **Daya Tindak** mendapat skor yang terendah iaitu 68.37%,. Indikator **Orientasi Emosi** juga merupakan skor paling rendah (61.09%) di antara kesemua 19 indikator. Malah, terdapat jurang yang agak besar (13.43%) di antara indikator **Orientasi Pengelakkan** (74.52%), dan indikator **Orientasi Emosi** (61.09%). Dapatan ini menggambarkan keupayaan belia untuk mengelak daripada masalah atau kesukaran, namun belia memerlukan sokongan bagi pengurusan emosi.

Domain **Daya Tahan** juga menunjukkan tahap yang memuaskan (70.21%). Kesemua empat indikator turut berada pada tahap yang memuaskan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, belia mempunyai **Matlamat Diri** (74.76%), namun aspek **Yakin Diri** (67.30%) boleh ditingkatkan melalui intervensi yang berfokus kepada meningkatkan kemampuan belia untuk menghadapi cabaran dalam kehidupan.

Skor Keseluruhan

n=8,394

DOMAIN	SKOR DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
POTENSI DIRI	74.42 Memuaskan	1	Kualiti Peribadi	74.99	Memuaskan
		2	Perkembangan Diri	83.77	Sangat Memuaskan
		3	Kepimpinan	72.84	Memuaskan
		4	Celik Digital	71.83	Memuaskan
		5	Kemahiran Interpersonal	68.65	Memuaskan
DAYA SAING	73.85 Memuaskan	1	Proaktif	73.27	Memuaskan
		2	Pendayaupayaan Kendiri	72.45	Memuaskan
		3	Pengurusan Kewangan	75.83	Memuaskan
DAYA FIKIR	71.00 Memuaskan	1	Pemikiran Kritis	70.28	Memuaskan
		2	Pemikiran Keusahawanan	72.26	Memuaskan
		3	Pemikiran Adaptif	66.06	Memuaskan
		4	Kreatif dan Inovatif	75.38	Memuaskan
DAYA TINDAK	68.37 Memuaskan	1	Orientasi Masalah	69.49	Memuaskan
		2	Orientasi Emosi	61.09	Memuaskan
		3	Orientasi Pengelakkan	74.52	Memuaskan
DAYA TAHAN	70.21 Memuaskan	1	Yakin Diri	67.30	Memuaskan
		2	Matlamat Diri	74.76	Memuaskan
		3	Kawalan Diri	68.76	Memuaskan
		4	Kawalan Ketabahan	70.02	Memuaskan
SKOR KESELURUHAN				71.57	Memuaskan



Perbandingan antara dua kumpulan iaitu **8 kumpulan sasaran belia** dan **belia NEET** menunjukkan tidak banyak perbezaan dari segi skor dalam kelima-lima domain yang menjadi tumpuan kajian ini. Secara keseluruhan, kedua-dua kumpulan ini mencatatkan nilai skor yang memuaskan bagi kesemua domain. Pemerhatian umum menunjukkan, nilai skor bagi **8 kumpulan sasar belia** secara relatifnya adalah lebih tinggi (72.0%) berbanding **belia NEET** (69.66%). Namun begitu, analisis kajian menunjukkan bahawa, domain **Daya Tindak** mencatatkan nilai skor di bawah 70.0% bagi kedua-dua kumpulan belia yang dikaji. Analisis selanjutnya mendapati aspek berkaitan **orientasi masalah** dan **orientasi emosi** yang menyumbang kepada nilai skor yang lebih rendah ini. Oleh itu, sebarang langkah intervensi haruslah memberi tumpuan ke arah membantu kedua-dua kumpulan belia berkenaan untuk mengatasi masalah ini. Bagi kumpulan **belia NEET**, langkah intervensi tambahan diperlukan untuk membantu mereka meningkatkan domain **Daya Fikir** dan **Daya Tahan** memandangkan nilai skornya turut berada di bawah 70.0%, khususnya yang berkaitan dengan pemikiran adaptif dan kritis, keusahwanan, yakin diri, kawalan diri serta aspek ketabahan.

Skor 8 Kumpulan Sasaran Belia dan Belia NEET

n=6,833 n=1,561

DOMAIN		INDIKATOR	8 KUMPULAN SASARAN BELIA		BELIA NEET	
			SKOR DOMAIN	SKOR INDIKATOR	SKOR DOMAIN	SKOR INDIKATOR
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	74.76 Memuaskan	75.20	72.91 Memuaskan	74.07
	2	Perkembangan Diri		84.00		82.73
	3	Kepimpinan		73.32		70.71
	4	Celik Digital		72.20		70.21
	5	Kemahiran Interpersonal		69.06		66.84
DAYA SAING	1	Proaktif	74.28 Memuaskan	73.51	71.96 Memuaskan	72.26
	2	Pendayaupayaan Kendiri		72.97		70.17
	3	Pengurusan Kewangan		76.38		73.45
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	71.64 Memuaskan	70.88	68.16 Memuaskan	67.66
	2	Pemikiran Keusahawanan		73.04		68.86
	3	Pemikiran Adaptif		66.49		64.16
	4	Kreatif dan Inovatif		76.17		71.95
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	68.63 Memuaskan	69.68	67.24 Memuaskan	68.64
	2	Orientasi Emosi		61.26		60.34
	3	Orientasi Pengelakkan		74.93		72.74
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	70.71 Memuaskan	67.86	68.02 Memuaskan	64.86
	2	Matlamat Diri		75.37		72.09
	3	Kawalan Diri		69.22		66.79
	4	Kawalan Ketabahan		70.40		68.35
SKOR KESELURUHAN				72.00		69.66

SKALA PETUNJUK SKOR



PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN DEMOGRAFI

Domain Potensi Diri



Skor Domain Potensi Diri

(n=8,394)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	**74.99**	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	**83.77**	Sangat Memuaskan
74.42 Memuaskan	3	Kepimpinan	**72.84**	Memuaskan
	4	Celik Digital	**71.83**	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	**68.65**	Memuaskan



- Domain Potensi Diri merujuk kepada keupayaan dalaman belia yang meliputi bakat semula jadi, perkembangan diri dan kualiti peribadi yang boleh diserlahkan bagi menghadapi cabaran kehidupan. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan tahap potensi belia berada pada tahap memuaskan dengan skor domain sebanyak 74.42, mencerminkan asas kekuatan diri yang baik dalam kalangan belia. Indikator yang diukur merangkumi Kualiti Peribadi, Perkembangan Diri, Kepimpinan, Celik Digital dan Kemahiran Interpersonal, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam membentuk belia yang berdaya tahan dan kompeten.

- Dari segi pecahan indikator, Perkembangan Diri mencatatkan skor tertinggi (83.77) pada tahap sangat memuaskan, diikuti Kualiti Peribadi (74.99) dan Kepimpinan (72.84) yang berada pada tahap memuaskan. Celik Digital pula mencatatkan skor 71.83, menunjukkan keperluan kepada pengukuhan berterusan sejajar dengan tuntutan teknologi semasa. Kemahiran Interpersonal pula mencatatkan skor terendah (68.65), menandakan perlunya intervensi khusus bagi meningkatkan keupayaan komunikasi, kerjasama dan interaksi sosial belia. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan potensi diri belia adalah kukuh namun memerlukan pemerkasaan berfokus, khususnya dalam aspek interpersonal dan digital, bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Analisis Indikator Mengikut Demografi di Bawah Domain Potensi Diri

Analisis dapatan indikator di bawah Domain Potensi Diri mengikut jantina menunjukkan bahawa perbezaan skor antara lelaki dan perempuan adalah tidak terlalu ketara, namun terdapat kecenderungan konsisten di mana perempuan mencatatkan skor lebih tinggi dalam semua indikator berbanding lelaki. Sebagai contoh, bagi keseluruhan 8 kumpulan sasaran belia, perempuan mencatatkan skor Kualiti Peribadi (76.05) berbanding lelaki (74.32), serta Perkembangan Diri 84.60 berbanding 83.39. Perbezaan yang sama turut dilihat dalam Kepimpinan (74.11 berbanding 72.51), Celik Digital (73.41 berbanding 70.95) dan Kemahiran Interpersonal (69.63 berbanding 68.48). Corak ini juga jelas dapat dilihat dalam kumpulan belia NEET, di mana skor perempuan mengatasi skor lelaki dalam semua indikator. Walaupun jurang skor tidak besar, perempuan menunjukkan tahap potensi yang sedikit lebih tinggi secara konsisten berbanding lelaki.

Dari perspektif kategori umur, terdapat peningkatan skor yang jelas seiring pertambahan umur, khususnya dalam aspek perkembangan diri dan kemahiran interpersonal. Belia berumur 19 hingga 24 tahun mencatatkan skor Perkembangan Diri tertinggi (85.36), diikuti 25 hingga 30 tahun (84.24) dan 15 hingga 18 tahun (80.89). Corak yang sama dilihat dalam Kepimpinan dan Celik Digital, di mana kumpulan 19 hingga 24 tahun menunjukkan skor lebih tinggi berbanding kumpulan umur 15 hingga 18 tahun.

Bagi analisis etnik dalam kalangan 8 kumpulan sasaran belia, perbezaan skor adalah relatif kecil dan kebanyakannya berada dalam kategori memuaskan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit variasi seperti Bumiputera Sabah mencatatkan skor Kualiti Peribadi tertinggi (76.56), manakala Bumiputera Sarawak mencatatkan skor terendah dalam indikator seperti Kepimpinan (65.86), Celik Digital (64.43) dan Kemahiran Interpersonal (62.52). Perkembangan Diri menunjukkan skor yang tinggi dalam hampir semua etnik dengan skor melebihi 80 kecuali Bumiputera Sarawak (77.91). Tiada perbezaan ketara mengikut etnik, dengan kebanyakan kumpulan menunjukkan tahap potensi yang hampir seimbang.

Dalam kalangan belia NEET mengikut etnik, perbezaan skor lebih ketara berbanding populasi umum. Sebagai contoh, etnik Cina mencatatkan skor yang lebih rendah dalam hampir semua indikator seperti Kualiti Peribadi (63.21), Kepimpinan (61.55), Celik Digital (61.43) dan Kemahiran Interpersonal (58.57). Sebaliknya, Orang Asli dan Bumiputera Sabah menunjukkan skor lebih tinggi dalam beberapa indikator seperti Perkembangan Diri (85.79 dan 83.78). Walaupun begitu, Perkembangan Diri kekal sebagai indikator tertinggi merentas semua etnik NEET. Ini menunjukkan, dalam kalangan belia NEET, jurang skor antara etnik lebih jelas dan menunjukkan keperluan intervensi yang lebih bersasar.

Analisis mengikut kategori umur bagi belia NEET turut menunjukkan pola peningkatan skor dengan pertambahan umur. Kumpulan 25 hingga 30 tahun mencatatkan skor tertinggi bagi Kualiti Peribadi (76.57) dan Kepimpinan (73.95), manakala Perkembangan Diri tertinggi dalam kumpulan 19 hingga 24 tahun (84.18). Kumpulan 15 hingga 18 tahun pula mencatatkan skor paling rendah dalam hampir semua indikator termasuk Kemahiran Interpersonal (63.75). Walaupun terdapat peningkatan, perbezaan antara kumpulan umur tidak terlalu besar. Rumusannya, trend peningkatan dengan umur kekal konsisten dalam kalangan NEET, namun jurangnya sederhana.

Analisis terperinci ke atas 8 kumpulan sasaran belia mendapati, terdapat perbezaan yang lebih ketara berbanding demografi lain. Belia berisiko mencatatkan skor paling rendah dalam semua indikator seperti Kualiti Peribadi (68.04), Kepimpinan (64.90), Celik Digital (64.72) dan Kemahiran Interpersonal (62.15). Sebaliknya, kumpulan seperti belia pengajian tinggi serta minoriti dan terpinggir menunjukkan skor tinggi dalam Perkembangan Diri (87.73 dan 87.58) serta Kepimpinan (76.12 dan 77.71). Rumusannya, kumpulan sasar menunjukkan jurang potensi yang lebih jelas berbanding kategori lain. Selain itu, kumpulan belia bekerjaya dan belia antarabangsa juga menunjukkan prestasi yang baik dengan skor yang stabil dan tinggi dalam kebanyakan indikator, seperti Perkembangan Diri (84.58 dan 85.43) serta Celik Digital (73.03 dan 74.03). Belia massa dan belia bersekolah pula berada pada tahap sederhana dengan skor yang konsisten. Perbezaan antara kumpulan ini wujud tetapi tidak terlalu ketara kecuali bagi belia berisiko.

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa, Domain Potensi Diri belia Malaysia berada pada tahap memuaskan merentas semua demografi, dengan Perkembangan Diri kekal sebagai indikator paling tinggi dan Kemahiran Interpersonal paling rendah secara konsisten. Perbezaan skor adalah kecil bagi jantina, umur dan etnik dalam populasi umum, namun menjadi lebih ketara dalam kumpulan NEET dan kumpulan sasar tertentu seperti belia berisiko. Rumusannya, walaupun potensi belia adalah kukuh secara keseluruhan, terdapat jurang khusus yang memerlukan intervensi bersasar untuk memastikan pembangunan potensi yang lebih seimbang.

Analisis mengikut Jantina

Skor Domain Potensi Diri 8 Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=3355)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=3473)	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	74.32	Memuaskan	76.05	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	83.39	Sangat Memuaskan	84.60	Sangat Memuaskan
	3	Kepimpinan	72.51	Memuaskan	74.11	Memuaskan
	4	Celik Digital	70.95	Memuaskan	73.41	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	68.48	Memuaskan	69.63	Memuaskan
Skor Keseluruhan			73.93	Memuaskan	75.56	Memuaskan

Skor Domain Potensi Diri Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=767)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=793)	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	71.88	Memuaskan	76.20	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	81.26	Sangat Memuaskan	84.15	Sangat Memuaskan
	3	Kepimpinan	69.01	Memuaskan	72.36	Memuaskan
	4	Celik Digital	67.86	Memuaskan	72.49	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	65.58	Memuaskan	68.06	Memuaskan
Skor Keseluruhan			71.12	Memuaskan	74.65	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Umur

Skor Domain Potensi Diri 8 Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=1439)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=2872)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=2517)	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	**73.59**	Memuaskan	**74.85**	Memuaskan	**76.52**	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	**80.89**	Sangat Memuaskan	**85.36**	Sangat Memuaskan	**84.24**	Sangat Memuaskan
	3	Kepimpinan	**70.48**	Memuaskan	**74.39**	Memuaskan	**73.74**	Memuaskan
	4	Celik Digital	**69.56**	Memuaskan	**73.22**	Memuaskan	**72.56**	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	**66.71**	Memuaskan	**70.01**	Memuaskan	**69.34**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**72.25**	Memuaskan	**75.57**	Memuaskan	**75.28**	Memuaskan

Skor Domain Potensi Diri Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=448)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=988)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=125)	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	**71.03**	Memuaskan	**75.14**	Memuaskan	**76.57**	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	**79.09**	Memuaskan	**84.18**	Sangat Memuaskan	**84.33**	Sangat Memuaskan
	3	Kepimpinan	**66.74**	Memuaskan	**72.11**	Memuaskan	**73.95**	Memuaskan
	4	Celik Digital	**67.33**	Memuaskan	**71.29**	Memuaskan	**72.00**	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	**63.75**	Memuaskan	**67.99**	Memuaskan	**68.89**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**69.59**	Memuaskan	**74.14**	Memuaskan	**75.15**	Memuaskan



Analisis Mengikut Kategori Etnik

Skor Domain Potensi Diri 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=3069)		SKOR INDIKATOR (Cina n=1355)		SKOR INDIKATOR (India n=560)	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	75.88	Memuaskan	74.08	Memuaskan	74.13	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	85.72	Sangat Memuaskan	81.39	Sangat Memuaskan	81.77	Sangat Memuaskan
	3	Kepimpinan	74.83	Memuaskan	71.17	Memuaskan	71.88	Memuaskan
	4	Celik Digital	73.47	Memuaskan	70.23	Memuaskan	70.22	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	70.33	Memuaskan	67.02	Memuaskan	67.76	Memuaskan
Skor Keseluruhan			76.05	Memuaskan	72.78	Memuaskan	73.15	Memuaskan

Skor Domain Potensi Diri Belia NEET

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=1129)		SKOR INDIKATOR (Cina n=35)		SKOR INDIKATOR (India n=58)	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	73.78	Memuaskan	63.21	Memuaskan	70.11	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	82.61	Sangat Memuaskan	72.14	Memuaskan	80.32	Sangat Memuaskan
	3	Kepimpinan	70.63	Memuaskan	61.55	Memuaskan	67.28	Memuaskan
	4	Celik Digital	70.04	Memuaskan	61.43	Memuaskan	67.82	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	66.72	Memuaskan	58.57	Sederhana	65.39	Memuaskan
Skor Keseluruhan			72.76	Memuaskan	63.38	Memuaskan	70.18	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Responden

Skor Domain Potensi Diri 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Belia Berisiko n=334)		SKOR INDIKATOR (Belia Bekerjaya n=1285)		SKOR INDIKATOR (Belia Bersekolah n=1192)	
POTENSI DIRI	1	Kualiti Peribadi	68.04	Memuaskan	77.55	Memuaskan	73.64	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	75.62	Memuaskan	84.58	Sangat Memuaskan	79.87	Memuaskan
	3	Kepimpinan	64.90	Memuaskan	73.38	Memuaskan	69.60	Memuaskan
	4	Celik Digital	64.72	Memuaskan	73.03	Memuaskan	68.83	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	62.15	Memuaskan	69.25	Memuaskan	66.01	Memuaskan
Skor Keseluruhan			67.09	Memuaskan	75.56	Memuaskan	71.59	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=1112)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=230)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=166)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=336)	
76.12	Memuaskan	76.56	Memuaskan	68.40	Memuaskan	74.70	Memuaskan
85.36	Sangat Memuaskan	85.07	Sangat Memuaskan	77.91	Memuaskan	80.41	Sangat Memuaskan
74.24	Memuaskan	73.79	Memuaskan	65.86	Memuaskan	71.02	Memuaskan
73.79	Memuaskan	73.10	Memuaskan	64.43	Memuaskan	69.82	Memuaskan
70.21	Memuaskan	68.98	Memuaskan	62.52	Memuaskan	67.45	Memuaskan
75.94	Memuaskan	75.50	Memuaskan	67.82	Memuaskan	72.68	Memuaskan

(N=1,561)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=139)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=111)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=81)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=8)	
78.33	Memuaskan	76.05	Memuaskan	75.51	Memuaskan	76.04	Memuaskan
85.79	Sangat Memuaskan	83.78	Sangat Memuaskan	84.16	Sangat Memuaskan	81.25	Sangat Memuaskan
71.97	Memuaskan	74.29	Memuaskan	71.39	Memuaskan	68.23	Memuaskan
70.32	Memuaskan	73.35	Memuaskan	73.97	Memuaskan	67.19	Memuaskan
68.14	Memuaskan	68.73	Memuaskan	68.83	Memuaskan	61.61	Memuaskan
74.91	Memuaskan	75.24	Memuaskan	74.77	Memuaskan	70.86	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Belia Malaysia Antarabangsa n=369)		SKOR INDIKATOR (Belia Massa n=1160)		SKOR INDIKATOR (Minoriti & Terpinggir n=300)		SKOR INDIKATOR (Belia Pengajian Tinggi n=1301)		SKOR INDIKATOR (Perkumpulan Belia n=887)	
75.30	Memuaskan	74.86	Memuaskan	74.64	Memuaskan	75.39	Memuaskan	76.92	Memuaskan
85.43	Sangat Memuaskan	82.64	Sangat Memuaskan	87.58	Sangat Memuaskan	87.73	Sangat Memuaskan	86.41	Sangat Memuaskan
75.87	Memuaskan	72.39	Memuaskan	77.71	Memuaskan	76.12	Memuaskan	76.01	Memuaskan
74.03	Memuaskan	70.74	Memuaskan	75.38	Memuaskan	75.30	Memuaskan	73.90	Memuaskan
71.05	Memuaskan	68.17	Memuaskan	71.76	Memuaskan	71.04	Memuaskan	72.04	Memuaskan
76.34	Memuaskan	73.76	Memuaskan	77.41	Memuaskan	77.12	Memuaskan	77.06	Memuaskan



Skor Domain Potensi Diri Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
POTENSI DIRI  **72.91 Memuaskan**	1	Kualiti Peribadi	**74.07**	Memuaskan
	2	Perkembangan Diri	**82.73**	Sangat Memuaskan
	3	Kepimpinan	**70.71**	Memuaskan
	4	Celik Digital	**70.21**	Memuaskan
	5	Kemahiran Interpersonal	**66.84**	Memuaskan



PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN DEMOGRAFI

Domain Daya Saing



Skor Domain Daya Saing

(N=8,394)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Belia NEET n=1561)	
DAYA SAING  **73.85 Memuaskan**	1	Proaktif	**73.27**	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	**72.45**	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	**75.83**	Memuaskan



- Domain Daya Saing merujuk kepada keinginan, kemampuan dan ketersediaan belia untuk bersaing dalam meningkatkan kebolehpasaran diri. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa, daya saing belia berada pada tahap memuaskan dengan skor domain sebanyak 73.85, mencerminkan kesediaan yang baik dalam kalangan belia untuk berusaha memperbaiki kedudukan diri dalam pelbagai aspek kehidupan. Domain ini diukur melalui tiga indikator utama iaitu Proaktif, Pendayaupayaan Kendiri dan Pengurusan Kewangan peribadi, yang masing-masing menggambarkan tahap inisiatif, keupayaan memperkasa diri serta kebolehan mengurus sumber kewangan secara berkesan.

- Dari segi indikator, Pengurusan Kewangan peribadi mencatatkan skor tertinggi (75.83), menunjukkan tahap kesedaran dan keupayaan belia dalam merancang kewangan adalah lebih baik berbanding aspek lain. Ini diikuti oleh Proaktif (73.27) yang mencerminkan usaha belia untuk mencapai matlamat dan meningkatkan pencapaian diri, serta Pendayaupayaan Kendiri (72.45) yang walaupun berada pada tahap memuaskan, masih memerlukan pengukuhan. Secara keseluruhan, ketiga-tiga indikator menunjukkan prestasi yang seimbang tanpa jurang yang besar, namun penambahbaikan berterusan diperlukan bagi memastikan belia lebih berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi dan pasaran kerja semasa.

Analisis Indikator Mengikut Demografi Di Bawah Domain Daya Saing

Analisis indikator Domain Daya Saing mengikut jantina menunjukkan bahawa, perbezaan skor antara lelaki dan perempuan adalah sangat kecil dan tidak ketara. Dalam kalangan 8 kumpulan sasaran belia, lelaki mencatatkan skor Proaktif 73.61 berbanding perempuan 73.40, manakala Pendayaupayaan Kendiri hampir seimbang (72.90 lelaki, 73.04 perempuan). Perbezaan paling jelas hanya dilihat dalam Pengurusan Kewangan, di mana perempuan mencatatkan skor lebih tinggi (77.58) berbanding lelaki (75.13). Corak yang sama turut dilihat dalam kumpulan NEET, khususnya dalam pengurusan kewangan (70.14 lelaki berbanding 76.66 perempuan).

Dari perspektif kategori umur, terdapat trend peningkatan skor yang jelas seiring pertambahan umur, khususnya dalam Pendayaupayaan Kendiri dan Pengurusan Kewangan. Dalam populasi keseluruhan, kumpulan 19 hingga 24 tahun mencatatkan skor tertinggi bagi Pengurusan Kewangan (78.34), diikuti 25 hingga 30 tahun (76.66) dan 15 hingga 18 tahun (71.97). Bagi indikator Pendayaupayaan Kendiri, kategori umur 15 hingga 18 tahun mempunyai skor 69.24 manakala 25 hingga 30 tahun memperolehi skor 74.06. Walaupun Proaktif menunjukkan perbezaan kecil, trend peningkatan tetap wujud. Ini menunjukkan, umur memberi kesan positif kepada daya saing.

Bagi belia NEET mengikut umur, pola yang sama turut diperhatikan di mana skor meningkat dengan pertambahan umur. Kumpulan 25 hingga 30 tahun mencatatkan skor tertinggi dalam Pendayaupayaan Kendiri (71.84) dan Pengurusan Kewangan (74.67), manakala kumpulan 15 hingga 18 tahun mencatatkan skor paling rendah seperti 66.55 dalam Pendayaupayaan Kendiri dan 69.25 dalam Pengurusan Kewangan.

Analisis mengikut etnik bagi 8 kumpulan sasaran belia keseluruhan menunjukkan perbezaan skor yang sederhana tetapi tidak terlalu ketara. Orang Asli mencatatkan skor tinggi dalam Proaktif (75.60) dan Pendayaupayaan Kendiri (75.93), manakala Bumiputera Sabah dan Melayu juga menunjukkan prestasi konsisten dalam semua indikator. Sebaliknya, Bumiputera Sarawak mencatatkan skor lebih rendah dalam Pendayaupayaan Kendiri (65.84) dan Pengurusan Kewangan (68.62). Walau bagaimanapun, hampir semua etnik berada dalam julat memuaskan. Rumusannya, perbezaan etnik wujud tetapi tidak besar secara keseluruhan.

Dalam kalangan belia NEET mengikut etnik, jurang perbezaan lebih ketara berbanding populasi umum. Etnik Cina mencatatkan skor rendah dalam hampir semua indikator seperti Proaktif (64.46), Pendayaupayaan Kendiri (62.43) dan Pengurusan Kewangan (64.05). Sebaliknya, Bumiputera Sarawak dan Orang Asli menunjukkan skor lebih tinggi dalam Pengurusan Kewangan (79.42 dan 78.18). Ini menunjukkan variasi yang lebih luas dalam kalangan NEET. Ini menunjukkan perbezaan skor mengikut etnik dalam kumpulan NEET adalah lebih jelas.

Dari segi kumpulan sasar belia, terdapat jurang antara kumpulan berisiko dan kumpulan lain. Belia berisiko mencatatkan skor paling rendah dalam semua indikator seperti Proaktif (69.42), Pendayaupayaan Kendiri (65.19) dan Pengurusan Kewangan (67.27). Sebaliknya, kumpulan seperti belia pengajian tinggi dan perkumpulan belia menunjukkan skor tinggi, khususnya dalam Pengurusan Kewangan (80.71 dan 81.26). Keadaan ini menunjukkan, tahap daya saing belia berbeza mengikut kumpulan sasaran belia.

Selain itu, kumpulan belia antarabangsa serta minoriti dan terpinggir turut menunjukkan prestasi yang baik dalam beberapa indikator, seperti Pendayaupayaan Kendiri (77.14 dan 76.52) serta Proaktif (74.97 dan 76.06). Belia bekerjaya juga menunjukkan skor lebih tinggi dalam Pengurusan Kewangan (77.65). Sebaliknya, belia bersekolah dan belia massa berada pada tahap sederhana tanpa perbezaan besar. Variasi antara kumpulan ini wujud tetapi hanya ketara apabila dibandingkan dengan kumpulan berisiko.

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa, Domain Daya Saing, belia Malaysia berada pada tahap memuaskan merentas semua demografi dengan variasi skor yang sederhana. Perbezaan adalah kecil bagi jantina dan umur, serta sederhana bagi etnik dalam populasi umum, namun menjadi lebih ketara dalam kumpulan NEET dan kumpulan sasar tertentu seperti belia berisiko. Pengurusan kewangan secara konsisten mencatatkan skor tertinggi, manakala pendayaupayaan kendiri sedikit lebih rendah. Rumusannya, walaupun daya saing belia adalah stabil, terdapat jurang tertentu yang memerlukan intervensi bersasar untuk memperkukuh kesiapsiagaan mereka dalam pasaran kerja.

Analisis mengikut Jantina

Skor Domain Potensi 8 Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=3355)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=3473)	
DAYA SAING	1	Proaktif	**73.61**	Memuaskan	**73.40**	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	**72.90**	Memuaskan	**73.04**	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	**75.13**	Memuaskan	**77.58**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**73.88**	Memuaskan	**74.67**	Memuaskan

Skor Domain Potensi Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=767)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=793)	
DAYA SAING	1	Proaktif	**72.34**	Memuaskan	**72.18**	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	**69.26**	Memuaskan	**71.06**	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	**70.14**	Memuaskan	**76.66**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**70.58**	Memuaskan	**73.30**	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Umur

Skor Domain Potensi 8 Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=1439)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=2872)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=2517)	
DAYA SAING	1	Proaktif	**71.75**	Memuaskan	**74.06**	Memuaskan	**73.87**	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	**69.24**	Memuaskan	**73.88**	Memuaskan	**74.06**	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	**71.97**	Memuaskan	**78.34**	Memuaskan	**76.66**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**70.99**	Memuaskan	**75.43**	Memuaskan	**74.86**	Memuaskan

Skor Domain Potensi Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=448)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=988)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=125)	
DAYA SAING	1	Proaktif	**70.02**	Memuaskan	**73.16**	Memuaskan	**73.10**	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	**66.55**	Memuaskan	**71.60**	Memuaskan	**71.84**	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	**69.25**	Memuaskan	**75.21**	Memuaskan	**74.67**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**68.61**	Memuaskan	**73.32**	Memuaskan	**73.20**	Memuaskan



Analisis Mengikut Kategori Etnik

Skor Domain Daya Saing 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=3069)		SKOR INDIKATOR (Cina n=1355)		SKOR INDIKATOR (India n=560)	
DAYA SAING	1	Proaktif	73.62	Memuaskan	73.34	Memuaskan	71.24	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	73.68	Memuaskan	71.30	Memuaskan	70.32	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	77.78	Memuaskan	74.68	Memuaskan	73.51	Memuaskan
Skor Keseluruhan			75.03	Memuaskan	73.11	Memuaskan	71.69	Memuaskan

Skor Domain Daya Saing Belia NEET

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=1129)		SKOR INDIKATOR (Cina n=35)		SKOR INDIKATOR (India n=58)	
DAYA SAING	1	Proaktif	72.60	Memuaskan	64.46	Memuaskan	67.76	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	70.06	Memuaskan	62.43	Memuaskan	66.35	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	73.15	Memuaskan	64.05	Memuaskan	65.16	Memuaskan
Skor Keseluruhan			71.49	Memuaskan	63.65	Memuaskan	66.42	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Responden

Skor Domain Daya Saing 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Belia Berisiko n=334)		SKOR INDIKATOR (Belia Bekerjaya n=1285)		SKOR INDIKATOR (Belia Bersekolah n=1192)	
DAYA SAING	1	Proaktif	69.42	Memuaskan	73.55	Memuaskan	71.54	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	65.19	Memuaskan	73.21	Memuaskan	68.51	Memuaskan
	3	Pengurusan Kewangan	67.27	Memuaskan	77.65	Memuaskan	70.79	Memuaskan
Skor Keseluruhan			67.29	Memuaskan	74.80	Memuaskan	70.28	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=1112)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=230)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=166)		SKOR INDIKATOR (Lain-lainn=336)	
75.60	Memuaskan	**74.67**	Memuaskan	**70.71**	Memuaskan	**70.55**	Memuaskan
75.93	Memuaskan	**73.89**	Memuaskan	**65.84**	Memuaskan	**70.73**	Memuaskan
77.88	Memuaskan	**77.68**	Memuaskan	**68.62**	Memuaskan	**73.19**	Memuaskan
76.47	Memuaskan	**75.41**	Memuaskan	**68.39**	Memuaskan	**71.49**	Memuaskan

(N=1,561)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=139)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=111)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=81)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=8)	
74.33	Memuaskan	**70.38**	Memuaskan	**73.69**	Memuaskan	**65.63**	Memuaskan
72.77	Memuaskan	**72.25**	Memuaskan	**70.37**	Memuaskan	**71.25**	Memuaskan
78.18	Memuaskan	**73.27**	Memuaskan	**79.42**	Memuaskan	**77.08**	Memuaskan
75.09	Memuaskan	**71.97**	Memuaskan	**74.49**	Memuaskan	**71.32**	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Belia Malaysia Antarabangsa n=369)		SKOR INDIKATOR (Belia Massa n=1160)		SKOR INDIKATOR (Minoriti & Terpinggir n=300)		SKOR INDIKATOR (Belia Pengajian Tinggi n=1301)		SKOR INDIKATOR (Perkumpulan Belia n=887)	
74.97	Memuaskan	**72.66**	Memuaskan	**76.06**	Memuaskan	**74.81**	Memuaskan	**75.35**	Memuaskan
77.14	Memuaskan	**71.45**	Memuaskan	**76.52**	Memuaskan	**75.52**	Memuaskan	**76.84**	Memuaskan
75.25	Memuaskan	**74.38**	Memuaskan	**79.19**	Memuaskan	**80.71**	Sangat Memuaskan	**81.26**	Sangat Memuaskan
75.79	Memuaskan	**75.83**	Memuaskan	**77.26**	Memuaskan	**77.01**	Memuaskan	**77.82**	Memuaskan



Skor Domain Daya Saing Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
DAYA SAING	1	Proaktif	72.26	Memuaskan
	2	Pendayaupayaan Kendiri	70.17	Memuaskan
71.96 Memuaskan	3	Pengurusan Kewangan	73.45	Memuaskan



PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN DEMOGRAFI

Domain Daya Fikir



Skor Domain Daya Fikir

(N=8,394)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	**70.28**	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	**72.26**	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	**66.06**	Memuaskan
71.00 Memuaskan	4	Kreatif dan Inovatif	**75.38**	Memuaskan



- Domain Daya Fikir merujuk kepada keupayaan belia menggunakan akal fikiran secara efektif dalam membuat pertimbangan, menyelesaikan masalah dan menyesuaikan diri dengan perubahan. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa domain ini berada pada tahap memuaskan dengan skor 71.00, mencerminkan keupayaan kognitif belia yang sederhana tetapi berpotensi untuk diperkukuhkan. Domain ini diukur melalui empat indikator utama iaitu Pemikiran Kritis, Pemikiran Keusahawanan, Pemikiran Adaptif Serta Kreatif dan Inovatif, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam membentuk belia yang berfikiran dinamik dan berdaya saing dalam persekitaran yang sentiasa berubah.

- Dari segi indikator, Kreatif dan Inovatif mencatatkan skor tertinggi (75.38), menunjukkan keupayaan belia dalam menjana idea baharu dan menyelesaikan masalah secara fleksibel adalah baik. Ini diikuti oleh Pemikiran Keusahawanan (72.26) dan Pemikiran Kritis (70.28) yang berada pada tahap memuaskan. Walau bagaimanapun, Pemikiran Adaptif mencatatkan skor terendah (66.06), menandakan keperluan untuk memperkukuh kebolehan belia menyesuaikan diri dengan perubahan dan cabaran baharu. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun belia mempunyai asas daya fikir yang baik, penekanan perlu diberikan kepada peningkatan keupayaan adaptif agar mereka lebih bersedia menghadapi persekitaran yang kompleks dan dinamik.

Analisis Indikator Mengikut Demografi Di Bawah Domain Daya Fikir

Analisis indikator Domain Daya Fikir mengikut jantina menunjukkan bahawa perbezaan skor antara lelaki dan perempuan adalah kecil dan tidak ketara. Dalam kalangan 8 kumpulan sasaran belia, perempuan mencatatkan skor sedikit lebih tinggi bagi Pemikiran Kritis (71.44 berbanding 70.30) dan Pemikiran Keusahawanan (73.65 berbanding 72.41), serta Pemikiran Adaptif (66.97 berbanding 66.00). Walau bagaimanapun, lelaki mencatatkan skor sedikit lebih tinggi dalam Kreatif dan Inovatif (76.40 berbanding 75.95). Corak yang sama juga dilihat dalam kumpulan NEET, di mana perempuan mengatasi lelaki dalam hampir semua indikator. Tiada perbezaan skor yang ketara mengikut jantina.

Dari perspektif kategori umur, terdapat trend peningkatan skor yang jelas seiring pertambahan umur, khususnya dalam Pemikiran Keusahawanan dan Kreatif dan Inovatif. Kumpulan 19 hingga 24 tahun dan 25 hingga 30 tahun mencatatkan skor lebih tinggi berbanding 15 hingga 18 tahun. Walaupun Pemikiran Kritis dan Adaptif turut meningkat, perbezaannya adalah sederhana. Ini menunjukkan umur memberi kesan positif terhadap daya fikir, namun jurang antara kumpulan umur tidak terlalu besar.

Dalam kalangan belia NEET mengikut umur, pola peningkatan yang sama turut diperhatikan. Kumpulan 15 hingga 18 tahun mencatatkan skor paling rendah dalam semua indikator seperti Pemikiran Kritis (63.11) dan Adaptif (61.12), manakala kumpulan 19 hingga 24 dan 25 hingga 30 tahun menunjukkan peningkatan skor kepada sekitar 69 hingga 71 bagi kebanyakan indikator. Walaupun terdapat peningkatan, perbezaannya kekal sederhana. Trend peningkatan daya fikir mengikut umur adalah konsisten tetapi tidak menunjukkan jurang yang besar dalam kumpulan NEET.

Analisis mengikut etnik bagi belia Malaysia keseluruhan menunjukkan variasi skor yang sederhana. Orang Asli dan Bumiputera Sabah mencatatkan skor tinggi dalam beberapa indikator seperti Pemikiran Kritis (73.26 dan 72.98) serta Kreatif dan Inovatif (78.06 dan 77.86). Sebaliknya, Bumiputera Sarawak mencatatkan skor lebih rendah terutamanya dalam Pemikiran Adaptif (56.58) dan Pemikiran Keusahawanan (63.64). Walaupun terdapat variasi, kebanyakan etnik berada dalam julat memuaskan.

Dalam kalangan belia NEET mengikut etnik, perbezaan skor lebih ketara berbanding populasi umum. Etnik India mencatatkan skor paling rendah dalam Pemikiran Adaptif (53.95), manakala etnik Cina juga menunjukkan skor rendah dalam beberapa indikator seperti Pemikiran Kritis (61.43) dan Keusahawanan (61.86). Sebaliknya, Bumiputera Sabah mencatatkan skor tinggi dalam Pemikiran Adaptif (71.40). Ini menunjukkan jurang yang lebih luas antara etnik dalam kumpulan NEET. Rumusannya, perbezaan etnik dalam kalangan NEET adalah lebih jelas dan memerlukan perhatian khusus.

Dari segi 8 kumpulan sasar belia, jurang perbezaan adalah lebih ketara berbanding demografi lain. Belia berisiko mencatatkan skor paling rendah dalam semua indikator seperti Pemikiran Kritis (64.21), Pemikiran Keusahawanan (65.25) dan Pemikiran Adaptif (59.13 yang berada pada tahap sederhana). Sebaliknya, kumpulan seperti belia antarabangsa dan perkumpulan belia menunjukkan skor tinggi dalam hampir semua indikator, contohnya Kreatif dan Inovatif (78.68 dan 80.29).

Selain itu, kumpulan belia pengajian tinggi serta minoriti dan terpinggir juga menunjukkan prestasi yang baik dengan skor tinggi dalam Pemikiran Keusahawanan (75.59 dan 75.40) serta Kreatif dan Inovatif (78.82 dan 77.67). Belia bekerjaya pula menunjukkan skor yang konsisten dan tinggi dalam semua indikator, khususnya Pemikiran Kritis (72.07). Sebaliknya, belia bersekolah dan belia massa berada pada tahap sederhana tanpa perbezaan besar.

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa Domain Daya Fikir belia Malaysia berada pada tahap memuaskan merentas semua demografi dengan variasi skor yang sederhana. Perbezaan adalah kecil bagi jantina dan umur, serta sederhana bagi etnik dalam populasi umum, namun menjadi lebih ketara dalam kumpulan NEET dan kumpulan sasar tertentu seperti belia berisiko. Kreatif dan inovatif kekal sebagai indikator tertinggi, manakala pemikiran adaptif merupakan aspek paling lemah. Rumusannya, walaupun daya fikir belia adalah stabil, terdapat jurang tertentu yang memerlukan intervensi bersasar untuk memperkukuh keupayaan kognitif mereka secara menyeluruh.

Analisis mengikut Jantina

Skor Domain Daya Fikir Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=3355)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=3473)	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	**70.30**	Memuaskan	**71.44**	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	**72.41**	Memuaskan	**73.65**	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	**66.00**	Memuaskan	**66.97**	Memuaskan
	4	Kreatif dan Inovatif	**76.40**	Memuaskan	**75.95**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**71.28**	Memuaskan	**72.00**	Memuaskan

Skor Domain Daya Fikir Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=767)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=794)	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	**65.93**	Memuaskan	**69.34**	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	**67.14**	Memuaskan	**70.51**	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	**62.68**	Memuaskan	**65.59**	Memuaskan
	4	Kreatif dan Inovatif	**71.65**	Memuaskan	**72.24**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**66.85**	Memuaskan	**69.42**	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Umur

Skor Domain Daya Fikir 8 Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=1439)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=2872)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=2517)	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	**66.70**	Memuaskan	**71.96**	Memuaskan	**72.02**	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	**69.45**	Memuaskan	**73.89**	Memuaskan	**74.12**	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	**62.82**	Memuaskan	**67.41**	Memuaskan	**67.56**	Memuaskan
	4	Kreatif dan Inovatif	**72.62**	Memuaskan	**77.15**	Memuaskan	**77.07**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**67.90**	Memuaskan	**72.60**	Memuaskan	**72.69**	Memuaskan

Skor Domain Daya Fikir Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=448)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=988)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=125)	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	**63.11**	Memuaskan	**69.58**	Memuaskan	**68.84**	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	**65.66**	Memuaskan	**69.99**	Memuaskan	**71.32**	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	**61.12**	Memuaskan	**65.30**	Memuaskan	**66.00**	Memuaskan
	4	Kreatif dan Inovatif	**68.10**	Memuaskan	**73.68**	Memuaskan	**72.13**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**64.50**	Memuaskan	**69.64**	Memuaskan	**69.57**	Memuaskan



Analisis Mengikut Kategori Etnik

Skor Domain Daya Fikir 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=3069)		SKOR INDIKATOR (Cina n=1355)		SKOR INDIKATOR (India n=560)	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	71.61	Memuaskan	69.66	Memuaskan	68.44	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	73.76	Memuaskan	71.58	Memuaskan	71.36	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	77.78	Memuaskan	74.68	Memuaskan	73.51	Memuaskan
	4	Kreatif dan Inovatif	76.35	Memuaskan	76.11	Memuaskan	74.30	Memuaskan
Skor Keseluruhan			72.34	Memuaskan	70.59	Memuaskan	69.25	Memuaskan

Skor Domain Daya Fikir Belia NEET

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=1129)		SKOR INDIKATOR (Cina n=35)		SKOR INDIKATOR (India n=58)	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	67.50	Memuaskan	61.43	Memuaskan	61.36	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	68.93	Memuaskan	61.86	Memuaskan	65.17	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	64.35	Memuaskan	59.52	Sederhana	53.95	Sederhana
	4	Kreatif dan Inovatif	71.60	Memuaskan	76.11	Memuaskan	74.30	Memuaskan
Skor Keseluruhan			68.10	Memuaskan	63.20	Memuaskan	62.61	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Responden

Skor Domain Daya Fikir 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Belia Berisiko n=334)		SKOR INDIKATOR (Belia Bekerjaya n=1285)		SKOR INDIKATOR (Belia Bersekolah n=1192)	
Daya Fikir	1	Pemikiran Kritis	64.21	Memuaskan	72.07	Memuaskan	65.79	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	65.25	Memuaskan	74.09	Memuaskan	68.41	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	59.13	Sederhana	66.87	Memuaskan	61.46	Memuaskan
	4	Kreatif dan Inovatif	68.99	Memuaskan	76.28	Memuaskan	71.71	Memuaskan
Skor Keseluruhan			64.40	Memuaskan	72.33	Memuaskan	66.84	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=1112)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=230)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=166)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=336)	
73.26	Memuaskan	72.98	Memuaskan	60.99	Memuaskan	68.71	Memuaskan
75.23	Memuaskan	74.54	Memuaskan	63.64	Memuaskan	71.43	Memuaskan
68.94	Memuaskan	65.47	Memuaskan	56.58	Sederhana	65.60	Memuaskan
78.06	Memuaskan	77.86	Memuaskan	69.28	Memuaskan	73.81	Memuaskan
73.87	Memuaskan	72.71	Memuaskan	62.62	Memuaskan	69.89	Memuaskan

(N=1,561)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=139)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=111)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=81)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=8)	
68.92	Memuaskan	72.12	Memuaskan	68.83	Memuaskan	68.13	Memuaskan
69.93	Memuaskan	72.03	Memuaskan	67.22	Memuaskan	69.38	Memuaskan
63.31	Memuaskan	71.40	Memuaskan	63.07	Memuaskan	57.29	Sederhana
74.88	Memuaskan	74.02	Memuaskan	71.81	Memuaskan	66.67	Memuaskan
69.26	Memuaskan	72.39	Memuaskan	67.73	Memuaskan	65.37	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Belia Malaysia Antarabangsa n=369)		SKOR INDIKATOR (Belia Massa n=1160)		SKOR INDIKATOR (Minoriti & Terpinggir n=300)		SKOR INDIKATOR (Belia Pengajian Tinggi n=1301)		SKOR INDIKATOR (Perkumpulan Belia n=887)	
73.90	Memuaskan	69.65	Memuaskan	72.93	Memuaskan	73.41	Memuaskan	74.45	Memuaskan
75.89	Memuaskan	71.75	Memuaskan	75.40	Memuaskan	75.59	Memuaskan	76.61	Memuaskan
71.50	Memuaskan	65.09	Memuaskan	70.17	Memuaskan	69.09	Memuaskan	70.20	Memuaskan
78.68	Memuaskan	75.38	Memuaskan	77.67	Memuaskan	78.82	Memuaskan	80.29	Sangat Memuaskan
74.99	Memuaskan	70.47	Memuaskan	74.04	Memuaskan	74.23	Memuaskan	75.39	Memuaskan



Skor Domain Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
DAYA FIKIR	1	Pemikiran Kritis	**67.66**	Memuaskan
	2	Pemikiran Keusahawanan	**68.86**	Memuaskan
	3	Pemikiran Adaptif	**64.16**	Memuaskan
68.16 Memuaskan	4	Kreatif dan Inovatif	**71.95**	Memuaskan



PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN DEMOGRAFI

Domain Daya Tindak



Skor Domain Daya Tindak

(N=8,394)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
DAYA TINDAK  **68.37** Memuaskan	1	Orientasi Masalah	**69.49**	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	**61.09**	Memuaskan
	3	Orientasi Pengelakkan	**74.52**	Memuaskan



- Domain Daya Tindak merujuk kepada keupayaan belia dalam menggunakan pelbagai kaedah untuk berhadapan dan mengatasi cabaran kehidupan. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa domain ini berada pada tahap memuaskan dengan skor 68.37, mencerminkan keupayaan belia yang sederhana dalam mengurus tekanan dan cabaran harian. Domain ini diukur melalui tiga indikator utama iaitu Orientasi Masalah, Orientasi Emosi dan Orientasi Pengelakan, yang masing-masing menggambarkan pendekatan berbeza dalam menangani situasi mencabar sama ada secara rasional, emosi atau penghindaran.

- Dari segi indikator, Orientasi Pengelakan mencatatkan skor tertinggi (74.52), menunjukkan kecenderungan belia untuk mengalihkan perhatian daripada tekanan sebagai strategi utama. Ini diikuti oleh Orientasi Masalah (69.49) yang mencerminkan keupayaan menyelesaikan masalah secara langsung pada tahap memuaskan. Namun begitu, Orientasi Emosi mencatatkan skor terendah (61.09), menandakan kelemahan dalam mengurus emosi negatif seperti stres dan kekecewaan. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun belia mempunyai keupayaan daya tindak yang memadai, penekanan perlu diberikan kepada pengukuhan pengurusan emosi agar mereka lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Analisis Indikator Mengikut Demografi Di Bawah Domain Daya Tindak

Analisis indikator Domain Daya Tindak mengikut jantina menunjukkan bahawa perbezaan skor antara lelaki dan perempuan adalah kecil tetapi konsisten memihak kepada perempuan. Dalam populasi 8 kumpulan sasaran belia, perempuan mencatatkan skor lebih tinggi bagi Orientasi Masalah (70.69 berbanding 68.64), Orientasi Emosi (62.23 berbanding 60.27) dan Orientasi Pengelakan (75.94 berbanding 73.89). Corak yang sama turut dilihat dalam kumpulan NEET, di mana perempuan menunjukkan skor lebih tinggi dalam semua indikator, khususnya Orientasi Masalah (71.07 berbanding 66.13). Rumusannya, walaupun jurang tidak besar, perempuan menunjukkan tahap daya tindak yang sedikit lebih baik secara konsisten berbanding lelaki.

Dari segi kategori umur, terdapat trend peningkatan skor seiring pertambahan umur, khususnya dalam Orientasi Masalah dan Orientasi Pengelakan. Dalam populasi keseluruhan, kumpulan 19 hingga 24 tahun mencatatkan skor tertinggi bagi Orientasi Masalah (71.02), manakala kumpulan 25 hingga 30 tahun menunjukkan skor tertinggi dalam Orientasi Emosi (62.86). Kumpulan 15 hingga 18 tahun pula mencatatkan skor paling rendah, terutama dalam Orientasi Emosi (59.33, tahap sederhana). Umur dikaitkan dengan daya tindak, namun tiada perbezaan ketara.

Bagi belia NEET mengikut umur, pola yang sama turut diperhatikan dengan peningkatan skor apabila umur meningkat. Kumpulan 25 hingga 30 tahun mencatatkan skor tertinggi dalam Orientasi Masalah (71.80) dan Orientasi Emosi (61.47), manakala kumpulan 15 hingga 18 tahun mencatatkan skor paling rendah seperti (63.97 dan 58.65). Walaupun terdapat peningkatan, jurang antara kumpulan umur tidak terlalu besar. Trend peningkatan mengikut umur adalah konsisten tetapi tidak menunjukkan perbezaan ketara.

Analisis mengikut etnik dalam kalangan belia Malaysia keseluruhan menunjukkan skor yang sederhana. Orang Asli dan Melayu mencatatkan skor tinggi dalam Orientasi Masalah (71.99 dan 71.38), manakala Bumiputera Sarawak mencatatkan skor lebih rendah (64.38). Bagi Orientasi Emosi, beberapa etnik seperti Cina (59.96), India (58.75) dan Bumiputera Sarawak (54.37) berada pada tahap sederhana. Namun, Orientasi Pengelakan kekal tinggi merentas hampir semua etnik, dengan Orang Asli mencatatkan skor tertinggi (77.81).

Dalam kalangan belia NEET mengikut etnik, perbezaan skor adalah lebih ketara berbanding populasi umum. Sebagai contoh, Bumiputera Sarawak mencatatkan skor tinggi dalam Orientasi Masalah (72.38), manakala etnik Cina dan India menunjukkan skor lebih rendah (61.96 dan 60.27). Bagi Orientasi Emosi, beberapa etnik seperti Cina (55.48) dan Bumiputera Sarawak (57.72) berada pada tahap sederhana. Walau bagaimanapun, Orientasi Pengelakan kekal tinggi dalam hampir semua etnik.

Dari segi kumpulan sasar belia, terdapat perbezaan yang ketara antara kumpulan berisiko dan kumpulan lain. Belia berisiko mencatatkan skor paling rendah dalam semua indikator seperti Orientasi Masalah (63.04), Orientasi Emosi (55.74) dan Orientasi Pengelakan (67.46). Sebaliknya, kumpulan seperti perkumpulan belia dan minoriti & terpinggir mencatatkan skor tinggi dalam Orientasi Pengelakan (78.84 dan 78.53) serta Orientasi Masalah (73.94 dan 73.48).

Selain itu, kumpulan belia antarabangsa dan belia pengajian tinggi turut menunjukkan prestasi yang baik, khususnya dalam Orientasi Masalah (72.02 dan 72.64) serta Orientasi Pengelakan (75.77 dan 77.48). Belia bekerjaya juga menunjukkan skor stabil dalam semua indikator. Sebaliknya, belia bersekolah dan belia massa berada pada tahap sederhana tanpa perbezaan ketara.

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa Domain Daya Tindak belia Malaysia berada pada tahap memuaskan merentas semua demografi dengan perbezaan skor yang sederhana. Perbezaan adalah kecil bagi jantina dan umur, serta sederhana bagi etnik dalam populasi umum, namun menjadi lebih ketara dalam kumpulan NEET dan kumpulan sasar tertentu seperti belia berisiko. Orientasi Pengelakan merupakan indikator tertinggi secara konsisten, manakala Orientasi Emosi paling rendah dan memerlukan perhatian khusus. Rumusannya, walaupun daya tindak belia adalah memadai, terdapat jurang tertentu yang memerlukan intervensi bersasar bagi memperkukuh keupayaan mengurus cabaran dan tekanan hidup.

Analisis mengikut Jantina

Skor Domain Daya Tindak 8 Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=3355)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=3473)	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	68.64	Memuaskan	70.69	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	60.27	Memuaskan	73.65	Memuaskan
	3	Orientasi Pengelakkan	73.89	Memuaskan	75.94	Memuaskan
Skor Keseluruhan			67.60	Memuaskan	69.62	Memuaskan

Skor Domain Daya Tindak Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=767)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=793)	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	66.13	Memuaskan	71.07	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	59.44	Sederhana	61.21	Memuaskan
	3	Orientasi Pengelakkan	70.60	Memuaskan	74.80	Memuaskan
Skor Keseluruhan			65.39	Memuaskan	69.03	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Umur

Skor Domain 8 Daya Tindak Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=1439)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=2872)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=2517)	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	**66.60**	Memuaskan	**71.02**	Memuaskan	**69.92**	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	**59.33**	Sederhana	**60.84**	Memuaskan	**62.86**	Memuaskan
	3	Orientasi Pengelakkan	**72.20**	Memuaskan	**75.91**	Memuaskan	**75.39**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**66.04**	Memuaskan	**69.26**	Memuaskan	**69.39**	Memuaskan

Skor Domain Daya Tindak Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=448)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=988)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=125)	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	**63.97**	Memuaskan	**70.36**	Memuaskan	**71.80**	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	**58.65**	Sederhana	**60.96**	Memuaskan	**61.47**	Memuaskan
	3	Orientasi Pengelakkan	**69.76**	Memuaskan	**73.96**	Memuaskan	**73.72**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**64.13**	Memuaskan	**68.43**	Memuaskan	**69.00**	Memuaskan



Analisis Mengikut Kategori Etnik

Skor Domain Daya Tindak 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=3069)		SKOR INDIKATOR (Cina n=1355)		SKOR INDIKATOR (India n=560)	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	71.38	Memuaskan	67.25	Memuaskan	64.68	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	61.98	Memuaskan	59.96	Sederhana	58.75	Sederhana
	3	Orientasi Pengelakkan	76.19	Memuaskan	72.97	Memuaskan	70.13	Memuaskan
Skor Keseluruhan			69.85	Memuaskan	66.73	Memuaskan	64.52	Memuaskan

Skor Domain Daya Tindak Belia NEET

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=1129)		SKOR INDIKATOR (Cina n=35)		SKOR INDIKATOR (India n=58)	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	68.59	Memuaskan	61.96	Memuaskan	60.27	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	60.32	Memuaskan	55.48	Sederhana	59.34	Sederhana
	3	Orientasi Pengelakkan	72.50	Memuaskan	63.29	Memuaskan	69.15	Memuaskan
Skor Keseluruhan			67.14	Memuaskan	60.24	Memuaskan	62.92	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Responden

Skor Domain Daya Tindak 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Belia Berisiko n=334)		SKOR INDIKATOR (Belia Bekerjaya n=1285)		SKOR INDIKATOR (Belia Bersekolah n=1192)	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	63.04	Memuaskan	67.46	Memuaskan	65.56	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	55.74	Sederhana	61.50	Memuaskan	58.36	Sederhana
	3	Orientasi Pengelakkan	59.13	Sederhana	75.16	Memuaskan	71.40	Memuaskan
Skor Keseluruhan			62.08	Memuaskan	68.62	Memuaskan	65.11	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=1112)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=230)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=166)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=336)	
71.99	Memuaskan	**70.30**	Memuaskan	**64.38**	Memuaskan	**66.85**	Memuaskan
63.41	Memuaskan	**60.22**	Memuaskan	**54.37**	Sederhana	**61.21**	Memuaskan
77.81	Memuaskan	**75.15**	Memuaskan	**67.68**	Memuaskan	**73.26**	Memuaskan
71.07	Memuaskan	**68.56**	Memuaskan	**62.14**	Memuaskan	**67.11**	Memuaskan

(N=1,561)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=1112)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=230)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=166)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=336)	
69.78	Memuaskan	**71.34**	Memuaskan	**72.38**	Memuaskan	**70.31**	Memuaskan
60.25	Memuaskan	**64.56**	Memuaskan	**57.72**	Sederhana	**61.46**	Memuaskan
75.36	Memuaskan	**75.50**	Memuaskan	**74.38**	Memuaskan	**71.88**	Memuaskan
68.46	Memuaskan	**68.46**	Memuaskan	**68.16**	Memuaskan	**67.88**	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Belia Malaysia Antarabangsa n=369)		SKOR INDIKATOR (Belia Massa n=1160)		SKOR INDIKATOR (Minoriti & Terpinggir n=300)		SKOR INDIKATOR (Belia Pengajian Tinggi n=1301)		SKOR INDIKATOR (Perkumpulan Belia n=887)	
78.84	Memuaskan	**68.08**	Memuaskan	**73.48**	Memuaskan	**72.64**	Memuaskan	**73.94**	Memuaskan
66.44	Memuaskan	**60.60**	Memuaskan	**64.31**	Memuaskan	**61.57**	Memuaskan	**64.13**	Memuaskan
75.77	Memuaskan	**73.43**	Memuaskan	**78.53**	Memuaskan	**77.48**	Memuaskan	**78.84**	Memuaskan
71.41	Memuaskan	**67.37**	Memuaskan	**72.11**	Memuaskan	**70.56**	Memuaskan	**72.30**	Memuaskan



Skor Domain Daya Tindak Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
DAYA TINDAK	1	Orientasi Masalah	**68.64**	Memuaskan
	2	Orientasi Emosi	**60.34**	Memuaskan
67.24 Memuaskan	3	Orientasi Pengelakkan	**72.74**	Memuaskan



PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN DEMOGRAFI

Domain Daya Tahan



Skor Domain Daya Tahan

(N=8,394)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
Daya Tahan  **70.21** Memuaskan	1	Yakin Diri	**67.30**	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	**74.76**	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	**68.76**	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	**70.02**	Memuaskan



- Domain Daya Tahan merujuk kepada keupayaan belia untuk kekal komited dan berfungsi dalam kehidupan seharian walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa domain ini berada pada tahap memuaskan dengan skor 70.21, mencerminkan kekuatan dalaman belia yang sederhana dalam mengurus tekanan, mengekalkan motivasi serta membuat keputusan secara rasional dalam situasi mencabar. Domain ini diukur melalui empat indikator utama iaitu Yakin Diri, Matlamat Diri, Kawalan Diri dan Kawalan Ketabahan, yang masing-masing menggambarkan aspek penting dalam membina daya tahan individu.

- Dari segi indikator, Matlamat Diri mencatatkan skor tertinggi (74.76), menunjukkan belia mempunyai hala tuju dan aspirasi yang jelas dalam kehidupan. Ini diikuti oleh Kawalan Ketabahan (70.02) dan Kawalan Diri (68.76) yang berada pada tahap memuaskan. Walau bagaimanapun, Yakin Diri mencatatkan skor terendah (67.30), menandakan keperluan untuk memperkukuh keyakinan dalam membuat keputusan dan menghadapi cabaran. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun belia mempunyai asas daya tahan yang baik, penekanan perlu diberikan kepada pembangunan keyakinan diri dan kawalan emosi bagi memastikan mereka lebih berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Analisis Indikator Mengikut Demografi Di Bawah Domain Daya Tahan

Analisis indikator Domain Daya Tahan mengikut jantina menunjukkan perbezaan yang tidak ketara. Bagi 8 kumpulan sasaran belia, perbezaan skor antara lelaki dan perempuan adalah sangat kecil dan hampir tidak ketara. Sebagai contoh, yakin diri lelaki (67.81) dan perempuan (67.91), serta Kawalan Diri lelaki (69.24) dan perempuan (69.19) menunjukkan jurang yang tidak berbeza. Walaupun perempuan mencatat skor sedikit lebih tinggi dalam Matlamat Diri (74.34 berbanding 76.36), perbezaan ini tidak terlalu besar untuk dianggap signifikan. Ini menunjukkan tahap daya tahan antara jantina adalah hampir seimbang. Rumusannya, tiada perbezaan ketara mengikut jantina dalam kumpulan sasaran.

Bagi belia NEET, pola yang sama turut diperhatikan di mana perbezaan antara lelaki dan perempuan adalah kecil. Contohnya, Yakin Diri lelaki (63.99) berbanding perempuan (65.70), serta Kawalan Diri lelaki (65.76) dan perempuan (67.78) menunjukkan kelebihan kecil kepada perempuan . Namun begitu, semua indikator masih berada dalam julat yang hampir sama. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina bukanlah pembeza utama dalam tahap daya tahan belia NEET. Secara keseluruhan, perbezaan jantina adalah minimum dan tidak ketara.

Analisis mengikut kategori umur menunjukkan trend peningkatan skor seiring peningkatan umur. Kumpulan umur 25 hingga 30 tahun mencatat skor lebih tinggi berbanding 15 hingga 18 tahun bagi hampir semua indikator seperti Yakin Diri (69.33 berbanding 64.44) dan Kawalan Ketabahan (72.21 berbanding 66.59). Ini menunjukkan kematangan umur menyumbang kepada peningkatan daya tahan. Kumpulan umur pertengahan (19 hingga 24 tahun) pula berada di antara kedua-duanya. Terdapat perbezaan mengikut umur dengan golongan lebih dewasa menunjukkan daya tahan lebih tinggi.

Dalam kalangan NEET, corak yang sama turut berlaku di mana kumpulan umur 25 hingga 30 tahun mencatat skor tertinggi berbanding kumpulan lebih muda. Sebagai contoh, Kawalan Diri meningkat daripada 64.01 (15 hingga 18 tahun) kepada 70.40 (25 hingga 30 tahun), manakala Kawalan ketabahan meningkat daripada (64.79) kepada (70.95). Walaupun peningkatan ini jelas, jurang antara kumpulan umur tidak terlalu besar tetapi tetap konsisten. Ini menunjukkan faktor umur dapat dikaitkan dengan daya tahan walaupun dalam kalangan NEET. Dari segi etnik, terdapat variasi skor yang lebih ketara berbanding jantina. Sebagai contoh, kumpulan Orang Asli mencatat skor tinggi dalam Matlamat Diri (79.06) dan kawalan diri (71.36), manakala Bumiputera Sarawak mencatat skor lebih rendah khususnya dalam Yakin Diri (59.67) dan Kawalan Diri (62.02) . Melayu dan Bumiputera Sabah pula berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan terdapat jurang ketara antara etnik tertentu. Rumusannya, etnik menunjukkan perbezaan yang lebih jelas berbanding jantina.

Dalam kalangan NEET, perbezaan etnik juga agak ketara tetapi dengan perbezaan yang lebih tidak sekata. Sebagai contoh, Bumiputera Sabah mencatat skor tinggi dalam ketabahan (73.09) dan kawalan diri (69.68), manakala Cina menunjukkan skor lebih rendah dalam beberapa indikator seperti Yakin Diri (57.43) dan Kawalan Diri (60.43).

Analisis mengikut 8 kumpulan sasaran menunjukkan variasi paling ketara berbanding faktor lain. Belia Malaysia Antarabangsa dan Perkumpulan Belia mencatat skor tinggi seperti Yakin Diri (70.46 dan 72.02) serta Kawalan Ketabahan (75.22 dan 73.65), manakala Belia Berisiko mencatat skor paling rendah khususnya dalam Yakin Diri (61.80) dan Kawalan Ketabahan (63.77). Perbezaan ini menunjukkan latar belakang dan penglibatan sosial memainkan peranan penting dalam membentuk daya tahan. Rumusannya, kumpulan sasaran merupakan faktor paling ketara dalam membezakan tahap daya tahan belia.

Analisis mengikut Jantina

Skor Domain Daya Tahan 8 Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=3355)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=3473)	
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	**67.81**	Memuaskan	**67.91**	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	**74.34**	Memuaskan	**76.36**	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	**69.24**	Memuaskan	**69.19**	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	**70.25**	Memuaskan	**70.55**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**70.41**	Memuaskan	**71.00**	Memuaskan

Skor Domain Daya Tahan Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Lelaki n=767)		SKOR INDIKATOR (Perempuan n=793)	
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	**63.99**	Memuaskan	**65.70**	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	**70.20**	Memuaskan	**73.92**	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	**65.76**	Memuaskan	**67.78**	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	**67.70**	Memuaskan	**68.97**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**66.91**	Memuaskan	**69.09**	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Umur

Skor Domain 8 Daya Tahan Kumpulan Sasaran Belia

(N=6,833)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=1439)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=2872)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=2517)	
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	**64.44**	Memuaskan	**68.29**	Memuaskan	**69.33**	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	**72.71**	Memuaskan	**76.15**	Memuaskan	**76.00**	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	**65.84**	Memuaskan	**69.21**	Memuaskan	**71.14**	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	**66.59**	Memuaskan	**70.72**	Memuaskan	**72.21**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**67.40**	Memuaskan	**71.09**	Memuaskan	**72.21**	Memuaskan

Skor Domain Daya Tahan Belia NEET

(N=1,561)

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (15-18 tahun n=448)		SKOR INDIKATOR (19-24 tahun n=988)		SKOR INDIKATOR (25-30 tahun n=125)	
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	**61.41**	Memuaskan	**66.24**	Memuaskan	**66.32**	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	**69.58**	Memuaskan	**73.26**	Memuaskan	**71.84**	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	**64.01**	Memuaskan	**67.59**	Memuaskan	**70.40**	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	**64.79**	Memuaskan	**69.63**	Memuaskan	**70.95**	Memuaskan
Skor Keseluruhan			**64.95**	Memuaskan	**69.18**	Memuaskan	**69.88**	Memuaskan



Analisis Mengikut Kategori Etnik

Skor Domain Daya Tahan 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=3069)		SKOR INDIKATOR (Cina n=1355)		SKOR INDIKATOR (India n=560)	
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	68.37	Memuaskan	66.89	Memuaskan	65.39	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	76.24	Memuaskan	73.11	Memuaskan	72.25	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	70.11	Memuaskan	67.51	Memuaskan	66.68	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	71.43	Memuaskan	68.86	Memuaskan	67.52	Memuaskan
Skor Keseluruhan			71.54	Memuaskan	69.09	Memuaskan	67.96	Memuaskan

Skor Domain Daya Tahan Belia NEET

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Melayu n=1129)		SKOR INDIKATOR (Cina n=35)		SKOR INDIKATOR (India n=58)	
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	64.83	Memuaskan	57.43	Sederhana	64.51	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	71.79	Memuaskan	63.29	Memuaskan	67.54	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	66.95	Memuaskan	60.43	Memuaskan	62.81	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	68.03	Memuaskan	60.36	Memuaskan	66.95	Memuaskan
Skor Keseluruhan			67.90	Memuaskan	60.38	Memuaskan	65.45	Memuaskan

Analisis Mengikut Kategori Responden

Skor Domain Daya Tahan 8 Kumpulan Sasaran Belia

DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR (Belia Berisiko n=334)		SKOR INDIKATOR (Belia Bekerjaya n=1285)		SKOR INDIKATOR (Belia Bersekolah n=1192)	
Daya Tahan	1	Yakin Diri	61.80	Memuaskan	68.76	Memuaskan	63.90	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	67.69	Memuaskan	75.85	Memuaskan	72.08	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	64.40	Memuaskan	70.90	Memuaskan	65.69	Memuaskan
	4	Kawalan Ketabahan	63.77	Memuaskan	71.56	Memuaskan	65.86	Memuaskan
Skor Keseluruhan			64.42	Memuaskan	71.77	Memuaskan	66.88	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=1112)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=230)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=166)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=336)	
70.16	Memuaskan	**69.48**	Memuaskan	**59.67**	Sederhana	**66.65**	Memuaskan
79.06	Memuaskan	**75.41**	Memuaskan	**69.07**	Memuaskan	**72.60**	Memuaskan
71.36	Memuaskan	**69.39**	Memuaskan	**62.02**	Memuaskan	**68.44**	Memuaskan
72.32	Memuaskan	**72.42**	Memuaskan	**61.94**	Memuaskan	**68.47**	Memuaskan
73.23	Memuaskan	**71.68**	Memuaskan	**63.18**	Memuaskan	**69.04**	Memuaskan

(N=1,561)

SKOR INDIKATOR (Orang Asli n=139)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sabah n=111)		SKOR INDIKATOR (Bumiputera Sarawak n=81)		SKOR INDIKATOR (Lain-lain n=8)	
67.73	Memuaskan	**67.48**	Memuaskan	**60.80**	Memuaskan	**58.75**	Sederhana
74.93	Memuaskan	**75.45**	Memuaskan	**73.27**	Memuaskan	**77.50**	Memuaskan
65.72	Memuaskan	**69.68**	Memuaskan	**68.46**	Memuaskan	**61.88**	Memuaskan
69.74	Memuaskan	**73.09**	Memuaskan	**68.44**	Memuaskan	**67.19**	Memuaskan
69.53	Memuaskan	**71.43**	Memuaskan	**67.74**	Memuaskan	**66.33**	Memuaskan

(N=6,833)

SKOR INDIKATOR (Belia Malaysia Antarabangsa n=369)		SKOR INDIKATOR (Belia Massa n=1160)		SKOR INDIKATOR (Minoriti & Terpinggir n=300)		SKOR INDIKATOR (Belia Pengajian Tinggi n=1301)		SKOR INDIKATOR (Perkumpulan Belia n=887)	
70.46	Memuaskan	**67.25**	Memuaskan	**68.72**	Memuaskan	**68.94**	Memuaskan	**72.02**	Memuaskan
78.22	Memuaskan	**73.51**	Memuaskan	**77.80**	Memuaskan	**78.19**	Memuaskan	**78.27**	Memuaskan
71.36	Memuaskan	**69.09**	Memuaskan	**70.93**	Memuaskan	**68.95**	Memuaskan	**72.41**	Memuaskan
75.22	Memuaskan	**69.11**	Memuaskan	**73.71**	Memuaskan	**71.93**	Memuaskan	**73.65**	Memuaskan
73.82	Memuaskan	**69.74**	Memuaskan	**72.79**	Memuaskan	**72.00**	Memuaskan	**74.09**	Memuaskan



Skor Domain Daya Tahan Belia NEET

(N=1,561)


DOMAIN		INDIKATOR	SKOR INDIKATOR	
DAYA TAHAN	1	Yakin Diri	**64.86**	Memuaskan
	2	Matlamat Diri	**72.09**	Memuaskan
	3	Kawalan Diri	**66.79**	Memuaskan
68.02 Memuaskan	4	Kawalan Ketabahan	**68.35**	Memuaskan



6

PEMBANGUNAN PROFIL BELIA NEET

Bahagian ini menganalisis maklumat demografi Profil Belia NEET iaitu berdasarkan Objektif 3.



Pendidikan Atau Latihan & Pekerjaan

Analisis ke atas **1,561 orang daripada 2,000 orang/ sampel yang disasarkan.**


1

43%
675 orang

Pernah belajar atau mengikuti latihan kemahiran 675 orang sebelum ini
- <6 bulan : **133 (19.7%)**
- 6 bulan - 1 tahun: **124 (18.4%)**
- > 1 tahun: **418 (61.9%)**

2 **Faktor tidak mengikuti pembelajaran/pengajian atau latihan**

*Boleh pilih lebih dari satu jawapan



3

47%
732 orang

Pernah bekerja atau mengikuti latihan pekerjaan sebelum ini
- < 6 bulan : **323 (44.1%)**
- 6 bulan - 1 tahun: **173 (23.6%)**
- > 1 tahun: **236 (32.2%)**

4

94%
1,469 orang

Sihat untuk bekerja

5

49.5%
772 orang

Sedang mencari pekerjaan

*Boleh pilih lebih dari satu jawapan


6

19%
303 orang

Pernah menerima bantuan/ sumbangan secara berkala
- Kerajaan persekutuan : **217 (71.6%)**
- Negeri: **78 (25.7%)**
- Persatuan/NGO: **25 (8.3%)**
- Persendirian: **10 (3.3%))**


7 **Faktor tidak bekerja**

*Boleh pilih lebih dari satu jawapan



8 **Mempunyai akses perkhidmatan**

*Boleh pilih lebih dari satu jawapan



Bentuk bantuan diperlukan bagi mengikuti latihan kemahiran/ pendidikan



Bentuk bantuan diperlukan bagi mendapatkan pekerjaan



Secara keseluruhan, keperluan kewangan merupakan isu paling dominan dalam kalangan belia NEET. Ini diikuti oleh kekangan logistik seperti pengangkutan dan tempat tinggal. Dapatan menunjukkan bahawa halangan utama bagi menyambung pendidikan atau latihan kemahiran bukan hanya kekurangan peluang yang ditawarkan, tetapi lebih kepada kekangan sumber asas untuk mengakses peluang tersebut.

Analisis juga menunjukkan bantuan kewangan masih kekal sebagai keperluan penting kepada belia NEET bagi mendapatkan pekerjaan. Namun ia adalah sebagai sokongan bagi mendapatkan pekerjaan bukan sekadar keperluan asas. Belia NEET juga dilihat memerlukan laluan yang jelas dan tersusun ke arah pekerjaan, termasuk akses kepada maklumat peluang kerjaya, penempatan pekerjaan, serta latihan yang relevan dengan keperluan industri. Ini menggambarkan bahawa cabaran utama bukan sahaja kekurangan peluang, tetapi juga kekurangan penghubung (bridging mechanism) antara belia NEET dan pasaran kerja.

Perincian Tempoh Terakhir Belajar/ Latihan berdasarkan Kategori Umur

Kategori umur/ Tempoh Terkahir Belajar/ Latihan	Kurang 6 bulan	6 bulan - 1 tahun	Lebih 1 tahun
15-18 tahun	24 (21.1%)	46 (40.4%)	44 (38.6%)
19-24 tahun	106 (22.3%)	73 (15.3%)	297 (62.4%)
25-30 tahun	3 (3.5%)	5 (5.9%)	77 (90.6%)

Perincian Tempoh Terakhir Belajar/ Latihan berdasarkan Kategori Umur


Kategori umur/ Tempoh Terkahir Belajar/ Latihan	Kurang 6 bulan	6 bulan - 1 tahun	Lebih 1 tahun
15-18 tahun	64 (47.1%)	53 (39.0%)	19 (14.0%)
19-24 tahun	238 (45.9%)	109 (21.0%)	171 (33.0%)
25-30 tahun	21 (26.9%)	11 (14.1%)	46 (59.0%)

Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara umur dengan kedua-dua tempoh tidak belajar/ mengikuti latihan dan tempoh tidak bekerja. Ini membawa maksud bahawa selari dengan peningkatan umur kecenderungan untuk tidak berada dalam pendidikan/ latihan dan bekerja adalah tinggi.

Analisis menunjukkan bahawa belia NEET dalam kategori umur 19 hingga 24 tahun lebih ramai berada dalam tempoh tidak aktif belajar/ mengikut latihan. Manakala belia NEET yang berumur 15 hingga 18 tahun cenderung kepada tidak belajar dalam tempoh yang lebih pendek dan sederhana.

Manakala bagi pekerjaan, dapatan menungjukkan bahawa majoriti belia NEET berumur 15 hingga 24 tahun berada dalam tempoh tidak bekerja yang singkat. Namun, belia NEET dalam kategori umur 25 hingga 30 tahun cenderung mengalami pengangguran jangka panjang iaitu tidak mendapat pekerjaan dalam tempoh lebih dari satu tahun.

APLIKASI BELIA iNEET



https://ineet.iyres.gov.my/login

Sebagai susulan kepada dapatan kajian NEET, IYRES telah membangunkan aplikasi iNEET sebagai satu inisiatif strategik untuk memudahcara golongan belia NEET mendaftar serta mengemaskini status semasa mereka secara berkala. Aplikasi ini turut berperanan sebagai platform untuk mengenal pasti profil belia NEET, keperluan dan menilai potensi belia NEET secara lebih sistematik, sekali gus membolehkan perancangan intervensi yang lebih bersasar dan efektif dilaksanakan oleh pihak berkepentingan.

7

PELAN MITIGASI BERSEPADU KEPADA BELIA NEET

Bahagian ini menerangkan rangka tindakan strategik yang dirangka secara bersepadu untuk mengurangkan risiko, menangani cabaran serta memperkukuh intervensi bagi memastikan kesejahteraan dan penglibatan aktif belia, khususnya dalam kalangan kumpulan sasaran dan belia NEET, dapat dipertingkatkan secara berkesan. Ini adalah selaras dengan Objektif 4.



Pelan Mitigasi Bersepadu Pembangunan Belia NEET

Pelan Mitigasi Bersepadu Pembangunan Belia NEET dirangka sebagai satu pendekatan berfasa dalam tempoh 24 bulan yang menekankan pembangunan menyeluruh belia secara progresif. Pelan ini menggabungkan intervensi berasaskan domain utama seperti daya tahan, potensi, pemikiran, daya saing serta penyertaan bagi memastikan setiap belia melalui proses pemulihan dan pemerkasaan secara sistematik. Pendekatan berstruktur ini juga selari dengan dasar nasional seperti Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 -2035, Rancangan Malaysia Ke-13 dan kerangka Ekonomi MADANI dalam memperkukuh modal insan negara.

Fasa pertama (0 hingga 6 bulan) memberi penekanan kepada pengukuhan asas psikososial yang menjadi tunjang kepada pembangunan belia NEET. Dalam fasa ini, fokus diberikan kepada domain daya tindak dan daya tahan melalui intervensi seperti sokongan psikososial, pengurusan emosi serta aktiviti rekreasi berstruktur. Pendekatan ini penting bagi membantu belia membina semula keyakinan diri, kestabilan emosi dan keupayaan menghadapi cabaran kehidupan seharian sebelum melangkah ke fasa seterusnya.

Memasuki fasa kedua (6 hingga 12 bulan), pelan mitigasi memberi fokus kepada pemerkasaan kemahiran dan pemikiran. Domain potensi dan daya fikir diperkukuh melalui pembangunan kemahiran hidup, kepimpinan serta program mentorship. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada pemikiran kritikal, kreatif dan inovatif bagi membentuk belia yang lebih adaptif terhadap perubahan. Fasa ini bertujuan membina asas kompetensi dalaman yang membolehkan belia bersedia untuk cabaran ekonomi dan sosial.


Fasa ketiga (12 hingga 18 bulan) memfokuskan kepada pengukuhan daya saing dan transisi ke arah dunia pekerjaan. Dalam tempoh ini, intervensi seperti job readiness, keusahawanan mikro dan literasi kewangan diperkenalkan bagi meningkatkan kebolehpasaran belia. Penekanan kepada penyertaan ekonomi yang inklusif dan produktif membolehkan belia NEET beralih kepada peranan sebagai tenaga kerja atau usahawan yang berdikari serta berdaya saing.

Seterusnya, fasa keempat (18–24 bulan) memberi tumpuan kepada penyertaan aktif dan kelestarian. Dalam fasa ini, belia digalakkan untuk menjadi rakan pembangunan melalui penglibatan dalam komuniti dan pasaran buruh secara mampan. Sokongan susulan seperti peer support dan pemantauan impak memainkan peranan penting bagi memastikan belia kekal aktif serta tidak kembali kepada status NEET. Pendekatan ini menekankan integrasi sosial dan kestabilan jangka panjang.

Fasa kelima pula melibatkan pemantauan berterusan bagi menilai keberkesanan keseluruhan pelan mitigasi. Mekanisme pemantauan ini penting bagi memastikan setiap intervensi mencapai hasil strategik yang ditetapkan serta membolehkan penambahbaikan dasar dilakukan secara berterusan. Pemantauan juga membantu mengenal pasti jurang pelaksanaan serta memastikan keberkesanan penggunaan sumber.

Secara keseluruhan, pelan ini disokong oleh rangka hasil strategik yang jelas merangkumi pembangunan belia berdaya tahan, berpotensi tinggi, berfikiran adaptif, berdaya saing serta mampu menyumbang secara aktif kepada masyarakat. Setiap domain disepadukan dengan program intervensi yang spesifik seperti pembangunan kepimpinan, pembelajaran berasaskan masalah, serta sokongan psikososial yang komprehensif. Hasilnya, belia bukan sahaja dipulihkan daripada status NEET, malah diperkasa sebagai modal insan berkualiti.

Kesimpulannya, pelan mitigasi ini menampilkan pendekatan holistik, berperingkat dan berimpak tinggi dalam menangani isu belia NEET. Dengan pelaksanaan yang berfokus serta sokongan pelbagai pihak, pelan ini berpotensi mengurangkan kadar NEET secara signifikan serta memastikan penyertaan belia yang lebih mampan dalam pembangunan negara. Kejayaan pelan ini bergantung kepada keupayaan untuk melaksanakan intervensi secara konsisten, responsif dan berasaskan keperluan sebenar belia.


0-6 bulan
Fasa 1
Pengukuhan
Asas Psikososial
Fokus Domain Daya
Tahan & Daya Tindak
6-12 bulan
Fasa 2
Pemerkasaan
Kemahiran & Pemikiran
Fokus Domain:
Potensi & Daya Fikir
12-18 bulan
Fasa 3
Pengukuhan
Daya Saing & Transisi
Fokus Domain:
Daya Saing
18-24 bulan
Fasa 4
Penyertaan
Aktif & Kelestarian
Fokus Domain:
Integrasi & Kelestarian
0-6 bulan
Fasa 5
Pemantauan

Kerangka Integrasi Dasar, Intervensi dan Hasil Strategik Belia NEET

Fokus	 Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035	 Rancangan Malaysia ke-13	 Ekonomi MADANI	 Program / Intervensi	 Hasil Strategik
Daya Tindak & Daya Tahan	Kesejahteraan fizikal, mental & emosi belia	Modal insan berdaya tahan	Kesejateraan, kemampanan	Pengurusan emosi & sokongan psikososial; sukan & rekreasi berstruktur	Belia berdaya tindak & berdaya tahan
Potensi & Kepimpinan	Pembangunan potensi & kepimpinan belia	Modal insan berkualiti & beretika	Keyakinan, ihsan	Kemahiran hidup, kepimpinan & mentorship	Belia yakin diri, berintegriti, berperanan sebagai rakan pembangunan
Daya Fikir & Adaptasi	Pemikiran kritikal, kreatif & inovatif	Kemahiran masa hadapan & adaptasi teknologi	Daya Cipta	Pembelajaran berasaskan masalah dan inovasi	Belia adaptif, inovatif dan berkeupayaan menyelesaikan masalah
Daya Saing & Kebolehpekerjaan	Daya saing & kebolehkerjaan	Penyertaan ekonomi inklusif & produktif	Kemampanan, Daya Saing	Job readiness; keusahawanan mikro; literasi kewangan	Belia berdaya saing, berdikari dan bersedia pasaran kerja
Penyertaan & Kelestarian	Penyertaan belia sebagai rakan pembangunan	kelestarian pasaran buruh	Kesejateraan, ihsan	Sokongan susulan; peer support; pemantauan impak	Penyertaan belia mampan, pengurangan pengulangan status NEET

8

SYOR & KESIMPULAN KAJIAN

Bahagian ini untuk menjawab Objektif 5 iaitu menerangkan cadangan dan kesimpulan kajian hasil penyelidikan yang telah dilaksanakan.



Syor Hasil Dapatan Kajian

Berdasarkan pelaksanaan kajian ini, isu dan potensi pembangunan belia termasuk dalam kalangan 8 kumpulan sasaran serta belia NEET memerlukan pendekatan yang menyeluruh, bersepadu dan berasaskan data. Dapatan turut menggambarkan wujudnya jurang dari segi akses kepada peluang pendidikan, pekerjaan, sokongan sosial dan pembangunan kendiri yang berbeza mengikut latar belakang demografi dan kumpulan sasaran. Pada masa yang sama, terdapat kekuatan dari segi daya tahan, potensi pembangunan diri serta keupayaan belia untuk kembali terlibat secara produktif sekiranya disokong dengan intervensi yang tepat.

Oleh itu, usaha memperkukuh ekosistem pembangunan belia perlu digerakkan secara kolektif melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dengan penekanan kepada peranan masing-masing agar setiap segmen belia dapat diperkasa secara inklusif dan berimpak tinggi. Sehubungan itu, kajian ini menekankan keperluan pendekatan menyeluruh, bersepadu dan inklusif yang melibatkan semua pihak seperti kerajaan, NGO, komuniti, keluarga dan belia. Dengan pelaksanaan yang strategik dan berasaskan data, potensi belia dapat dioptimumkan sebagai pemacu utama pembangunan negara.

Kementerian/ Jabatan/ Agensi

- Memperkukuh intervensi berasaskan data melalui integrasi sistem sedia ada dengan aplikasi iNEET bagi memastikan profiling belia lebih tepat dan intervensi lebih bersasar.
- Memperluas program pembangunan kemahiran insaniah (terutamanya kemahiran interpersonal dan komunikasi) melalui kurikulum TVET, pendidikan dan latihan.
- Memperkukuh penggunaan modul pengurusan emosi dan kesihatan mental secara sistematik memandangkan skor orientasi emosi adalah paling rendah.
- Memperkasa program peningkatan adaptasi dan future skills (pemikiran adaptif, digital, inovasi) bagi menangani jurang daya fikir.
- Melaksanakan pelan mitigasi berfasa (0 hingga 24 bulan) secara menyeluruh merangkumi psikososial, kemahiran, kebolehkerjaan dan penyertaan aktif belia .
- Mengukuhkan ekosistem peralihan ke pekerjaan melalui insentif majikan, latihan industri, apprenticeship dan keusahawanan mikro.
- Memberi fokus kepada kumpulan berisiko dan NEET melalui intervensi khusus dan bersasar kerana jurang lebih ketara dalam kumpulan ini

Komuniti dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)

- Menjadi penghubung antara belia dan peluang seperti pekerjaan, latihan dan pendidikan di peringkat akar umbi.
- Menyediakan program sokongan psikososial dan mentoring bagi membantu belia membina keyakinan diri dan kestabilan emosi.
- Melaksanakan program pembangunan kemahiran hidup (*life skills*) termasuk komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan.
- Menggalakkan penyertaan belia dalam aktiviti komuniti bagi meningkatkan kemahiran interpersonal dan integrasi sosial.
- Mewujudkan platform *peer support* bagi mengelakkan belia kembali kepada status NEET seperti yang digariskan dalam pelan mitigasi .
- Mengadakan program keusahawanan komuniti untuk meningkatkan daya saing dan pendapatan belia.

Keluarga

- Memberi sokongan emosi dan psikologi bagi membantu belia mengurus tekanan dan meningkatkan daya tahan diri.
- Menggalakkan komunikasi terbuka dalam keluarga bagi membina kemahiran interpersonal sejak awal.
- Menyokong penyertaan belia dalam pendidikan, latihan dan aktiviti kemahiran.
- Membantu membentuk disiplin dan pengurusan diri, termasuk pengurusan kewangan dan masa.
- Mengurangkan stigma terhadap belia NEET dan berperanan sebagai sistem sokongan utama kepada pemulihan belia.

Individu Belia

- Meningkatkan kemahiran interpersonal dan komunikasi secara aktif kerana ia merupakan antara skor terendah dalam kajian .
- Memperkukuh keupayaan mengurus emosi dan tekanan melalui latihan kendiri atau program sokongan.
- Mengembangkan pemikiran adaptif dan fleksibel agar mampu menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran.
- Mengambil inisiatif meningkatkan kemahiran (*upskilling/reskilling*) terutama dalam bidang digital dan keusahawanan.
- Membina rangkaian sosial dan profesional bagi meningkatkan peluang pekerjaan.
- Mengamalkan sikap proaktif dan pembelajaran sepanjang hayat untuk kekal relevan dalam pasaran kerja.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, Kajian Potensi, Daya Saing dan Kebolehpasaran Belia menunjukkan bahawa sebahagian besar belia mempunyai asas potensi yang baik, khususnya dalam domain daya tahan dan daya fikir yang menyokong keupayaan mereka untuk berkembang dalam pekerjaan, pendidikan dan latihan. Namun demikian, dapatan turut memperlihatkan wujudnya jurang antara kumpulan sasar, di mana belia NEET dan beberapa kumpulan berisiko lain menunjukkan tahap yang lebih rendah dari segi matlamat diri, akses kepada peluang pembelajaran serta kebolehpasaran. Keadaan ini menandakan bahawa potensi belia masih belum dimanfaatkan secara optimum, khususnya dalam memastikan penyertaan aktif mereka dalam ekosistem pembangunan modal insan negara.

Kajian ini menegaskan bahawa isu kebolehpasaran belia bukan sahaja bergantung kepada kemahiran teknikal, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor multidimensi termasuk kesiapsiagaan diri, sokongan persekitaran dan akses kepada pendidikan serta latihan. Justeru, pendekatan pembangunan belia yang lebih menyeluruh, bersepadu dan berasaskan data adalah amat penting bagi merapatkan jurang antara kumpulan sasar serta memperkukuh laluan transisi belia ke dalam pekerjaan, pendidikan dan latihan.

Penghargaan

Penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan Kajian Potensi, Daya Saing dan Kebolehpasaran Belia dalam Pekerjaan, Pendidikan dan Latihan, termasuk agensi, pakar rujuk, penyelidik, enumerator, responden serta semua individu yang telah memberikan kerjasama, pandangan dan sokongan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

Penghargaan turut diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penyediaan dan penerbitan buku ini. Semoga penerbitan ini dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat dalam memahami potensi, daya saing dan kebolehpasaran belia, seterusnya menyokong perancangan dasar, program dan intervensi yang lebih bersasar dalam aspek pekerjaan, pendidikan dan latihan di Malaysia.

Kronologi Kajian

23 Februari 2024
Sesi Sumbang Saran *(Brainstorming)*:
Sesi sumbang saran *(brainstorming)* bersama pemegang taruh tentang pelaksanaan kajian

31 Mei 2024
Sesi Sumbang Saran *(Brainstorming)*:
Sesi sumbang saran *(brainstorming)* bersama pakar rujuk dan penyelidik bersama kajian

19 Jun 2024
Sesi Sindikasi Bersama Belia NEET:
Sesi Sindikasi bersama belia NEET

15-17 Julai 2024
Bengkel Definisi NEET dan Pembangunan Instrumen Kajian:
Bengkel Penetapan Definisi NEET dan Pembangunan Instrumen Kajian bersama pakar rujuk

30 Julai 2024
Permohonan Statistik Belia NEET:
Permohonan statistik belia NEET 15-24 tahun mengikut negeri melalui ketua perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tujuan persempelan kajian

14 - 15 Ogos 2024
Bengkel Pemurnian Borang Soal Selidik:
Bengkel Permurnian Soal Selidik Kajian Potensi Dan Profil NEET

16-17 Oktober 2024
Kajian Rintis:
Kerja Lapangan Kajian Rintis bagi Kajian Potensi, Daya Saing dan Kebolehpasaran Belia Malaysia dalam pekerjaan, pendidikan dan latihan

7 November 2024
Pembentangan Hasil Analisis Kajian Rintis:
Pembentangan Hasil Analisis Ujian Rintis dan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Potensi, Daya Saing dan Kebolehpasaran Belia Malaysia Dalam Pekerjaan, Pendidikan dan Latihan

7 Januari 2025
Sesi Perbincangan Semak Silang Data Bersama PADU:
Sesi perbincangan semak silang data bersama Unit Pangkalan Data Utama (PADU)

21 Mei 2025
Pengumpulan Data Kajian Fasa 1:
Pengumpulan data kajian fasa 1 bagi negeri Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Perak

21 Ogos 2025
Pengumpulan Data Kajian Fasa 2:
Pengumpulan data kajian fasa 2 bagi negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Pahang, Terengganu dan Kelantan

10 September 2025
Pengumpulan Data Kajian Fasa 3:
Pengumpulan data kajian fasa 1 bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

10 Oktober 2025
Tantatangan Memorandum Persefahaman MoU PADU:
Tandatangan memorandum persefahaman antara IYRES dan Pangkalan Data Utama (PADU)

30 November 2025
Pengumpulan Data Profil Belia NEET Fasa 1:
Pengumpulan data profil belia NEET fasa 1 di semua negeri

27-28 November 2025
Bengkel Analisis Data dan Penulisan Laporan:
Bengkel Analisis Data dan Penulisan Laporon Kajian bersama pakar rujuk

29 Januari 2025
Pengumpulan Data Profil Belia NEET Fasa 2:
Pengumpulan data profil belia NEET fasa 2 (tambahan data) di negeri Johor, Perak, Kelantan, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pahang

Mac- April 2026
Sesi Pemurnian Laporan Kajian:
Aktiviti pemurnian laporan kajian

15 April 2026
Sesi Pembentangan Kajian:
Sesi pembentangan dapatan kajian kepada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

Pasukan Penyelidik

Pasukan Penyelidik IYRES:

- Pn. Mastura Mohamad
- Pn. Norhidayah Omar
- Pn. Rozahidah Roslee
- Pn. Nor'atiqah Talib
- En. Muhammad Aizad Mohd Apandi
- Cik Siti Aisyah Saahri
- Cik Nur Pesona Kamaruddin
- Pn. Shahhanim Yahya
- Dr. Shariffah Mamat
- Pn. Nuurul Mizaan Ya'cob
- En. Mohd Rizal Mohd Sham
- Pn. Asnida Abd. Hamid
- Pn. Noor Afifah Johari
- Pn. Nur Diyana Nadirah Mohd Hadi
- Pn. Syuhada Mokhzan

Pakar Rujuk:

- YBhg. Prof. Dr. Ishak Yusoff
  Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- YBhg. Prof. Dr. Rusmawati Said
  Universiti Putra Malaysia (UPM)
- YBrs. Prof. Madya Dr. Rabeatul Husna Abdull Rahman
  Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- YBrs. Dr. Bawani Lelchumanan
  Sunway University
- YBrs. Dr. Lee Su Teng
  Universiti Malaya (UM)

Penyelidik Bersama:

- Dr. Aerni Isa
  Taylor's University
- En. Devasharma Gangadaran
  MySkill Foundation

Pereka bentuk

Cik Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor


Info Lanjut:

Sebarang pertanyaan, kami sedia mambantu melalui talian **03-8871 3035/ 03-8871 3343** atau email pertanyaan anda kepada **info@iyres.gov.my**. Maklumat berkaitan hasil-hasil kajian IYRES dan penerbitan dalam bentuk digital boleh di akses melalui portal: **iyres.gov.my**

INSTITUTE FOR YOUTH RESEARCH MALAYSIA

Facts & Figures

STUDY ON THE POTENTIAL, COMPETITIVENESS AND EMPLOYABILITY OF YOUTH IN EMPLOYMENT, EDUCATION AND TRAINING



@Institute for Youth Research Malaysia (IYRES) 2026

IYRES is a national research centre that examines various aspects of youth trends and development and their relevance to national, regional and international changes. To achieve its objectives, the institute undertakes a wide range of research programmes; organises conferences, workshops, lectures and seminars; publishes journals and research materials; establishes research and training programmes; and provides a range of research facilities including data on youth development.

All Rights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form and by any means, whether electronic, photocopy, recording or otherwise, without prior permission from the Institute of Youth Research Malaysia (IYRES)..

Suggested Citation:

Institute for Youth Research Malaysia (IYRES). 2026. Facts & Figures Study on the potential, competitiveness and employability of youth in Employment, Education and Training. Ministry of Youth and Sports Malaysia. Putrajaya. Malaysia.

Published by:

Institute for Youth Research Malaysia (IYRES)
Ministry of Youth and Sports
Level 10, KBS Tower No. 27, Precinct 4
Federal Government Administration Centre
62570 Putrajaya

ISBN 978-967-2783-44-2

CONTENT

IV
Executive Summary

1 - 10
Study Introduction
- Background
- Research Gap
- Study Objectives
- Alignment With Government Policies and Strategies
- Conceptual Framework
- Operational Definitions

11 - 18
Research Methodology
- Summary of Study Methodology
- Instrument, Reliability and Data Validity Testing
- Score Scale Determination

19 - 26
Youth Issues and Challenges
- Malaysian Youth Scenarios, Issues and Challenges
- NEET Youth Issues and Challenges
- Comparison by Country

27 - 30
Demographic Profile

31 - 34
Overall Domain Score
- Study Finding Based on Demographic
- Self-Potential Domain
- Competitiveness Domain
- Cognitive Capability Domain
- Coping Domain
- Resilience Domain



75 - 78
Development of NEET Youth Profile
- Education or Training and Employment
- iNEET Application

79 - 82
NEET Youth Mitigation Plan

83 - 85
Study Recommendations and Conclusion

86
